

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Penampilan fizikal seseorang menjadi semakin penting dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Demi mencapai penampilan fizikal yang sempurna, masyarakat memilih dan menggunakan pelbagai jenis produk kecantikan yang dipercayai dapat membantu dalam pengekalan kecantikan diri.

Biasanya sebelum memilih dan melanggan sesuatu produk kecantikan, para pengguna memperoleh maklumat tentang produk tersebut melalui iklan yang terdapat dalam media massa. Umpamanya, iklan-iklan dalam media massa cetakan seperti majalah memainkan peranan penting dalam memperkenalkan produk terbaru kepada pengguna atau pembaca. Justeru, penggunaan bahasa iklan yang mampu menyakinkan pembaca merupakan strategi yang penting dalam mempromosikan produk-produk baru. Hal ini telah diketengahkan oleh Kawai (1987) yang menyatakan bahawa kejayaan sesuatu majalah juga bergantung kepada strategi pihak penerbit dan pengiklan.

Penggunaan bahasa dalam majalah telah banyak dikaji oleh penyelidik lain dalam bidang linguistik melalui berbagai-bagai aspek seperti gender, sosiolinguistik, dan lain-lain. Antaranya ialah Jespersen (1922), Lakoff (1975), Spender (1980), Labov (1990), Talbot (1998), Bonvillain (2001), Jariah Mohd Jan dan Kow (2003), Coates (2004) serta ahli linguistik yang lain. Namun, kajian penggunaan kata sifat dan aspek gender dalam iklan majalah wanita Jepun masih belum diselidiki. Oleh itu, pemilihan dan penggunaan kata sifat antara gender dijadikan sasaran kajian ini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Sejak abad ke-16, negara Jepun telah mula hangat dengan topik fesyen akibat pengaruh dari negara-negara barat dan Eropah. Sehingga hari ini, orang Jepun masih mempunyai trend terkini dalam arena fesyen antarabangsa. Orang Jepun khususnya golongan muda amat berminat dan mahir dalam perekaan fesyen sendiri sehingga fesyen mereka telah diserap dan digabung dengan pelbagai budaya negara-negara lain umpamanya negara barat seperti Amerika.

Bahan-bahan cetakan yang memberi maklumat terkini mengenai bidang fesyen yang digemari oleh semua lapisan masyarakat Jepun termasuklah majalah-majalah fesyen. Dalam kaji selidik Sakamoto (2010) yang dijalankan terhadap lelaki dan wanita yang berumur 20-49 tahun di kawasan metropolitan Tokyo, didapati hampir 62.1% daripada responden ialah pengguna tetap majalah fesyen. Ini membuktikan bahawa majalah-majalah fesyen merupakan satu alat media bagi mereka untuk mendapatkan informasi fesyen yang terkini manakala pihak penerbit pula bersaing-saing untuk memaparkan maklumat yang terbaru dalam setiap naskah majalah mereka.

Sejarah penerbitan majalah fesyen negara Jepun dapat dilihat ketika negara timur ini mengalami perkembangan yang pesat dalam ekonomi pada 1970-an. Pada masa itu, beberapa jenis majalah fesyen mulai diterbitkan. Antaranya ialah *An An*, *Non-no*, *MORE* dan *Jo Jo*. Majalah fesyen yang dinyatakan masih ada di pasaran sehingga kini dan ia mudah didapati di mana-mana sahaja di negara Jepun. Sejak 1980-an, majalah-majalah fesyen lelaki juga mula popular dalam kalangan lelaki Jepun dan majalah yang diterbitkan termasuklah *POPEYE* (1976), *Men's Non-no* (1986), *Boon* (1986), *Men's JOKER* (2004) dan sebagainya.

Kebanyakan majalah fesyen yang ada di pasaran merupakan majalah yang sesuai untuk bacaan golongan wanita dan lelaki yang berumur dari belasan tahun hingga umur kurang daripada empat puluh tahun. Meskipun jualan dan terbitan majalah fesyen lelaki tidak sebanyak dengan majalah fesyen wanita, namun isi kandungan yang ada dalam majalah fesyen wanita kini boleh juga didapati dalam majalah fesyen lelaki. Majalah fesyen yang diterbitkan khas untuk golongan lelaki bukan satu isu baru lagi. Namun begitu, terdapat juga penerbit majalah fesyen yang menambahkan maklumat dan informasi fesyen lelaki di bahagian akhir majalah wanita yang popular. Sebagai contoh, bahagian *MEN'S MINA* hanya dilampirkan di bahagian akhir majalah fesyen *MINA* dan bukannya diterbitkan menjadi naskah yang berasingan seperti *Non-no* dan *Men's Non-no* yang dipilih sebagai sampel kajian ini.

Majalah fesyen Jepun telah berjaya mendapat tempat dalam hati pembaca negara asing yang berminat dalam bahasa dan budaya Jepun. Buktinya adalah sesetengah majalah fesyen seperti *MINA*, *WITH*, dan *MEN'S UNO* telah diterbitkan dalam bahasa Cina di negara lain. Misalnya, *MINA* versi Hong Kong, *MINA* versi Taiwan, sehingga ke *MINA* versi Malaysia. Oleh itu, majalah fesyen Jepun boleh digelar sebagai sumber rujukan utama dalam kalangan penerbit majalah fesyen di rantau Asia.

Di Malaysia, majalah fesyen tersebut juga boleh diperolehi di kedai buku tertentu atau membuat tempahan secara on-line dari negara Jepun.



Rajah 1.1: Majalah *Non-no*



Rajah 1.2: Majalah *Men's Non-no*

Majalah *Non-no* dan majalah *Men's Non-no* yang diterbitkan dalam naskah berasingan dijadikan bahan kajian. Majalah-majalah fesyen tersebut bersesuaian untuk golongan wanita dan lelaki yang dalam lingkungan umur 20-an. Majalah-majalah fesyen tersebut memaparkan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan pakaian, kecantikan, penjagaan kelangsingan badan, penjagaan kesihatan badan, masakan dan sebagainya.

1.2 Penyataan Masalah

Majalah fesyen merupakan salah satu jenis bahan cetakan yang amat popular dalam kalangan masyarakat Jepun. Bukan sahaja golongan wanita yang berminat dalam membaca majalah fesyen, malahan golongan lelaki Jepun juga berada dalam arus yang selari dengan wanita Jepun sehingga muncul pelbagai jenis majalah fesyen yang hanya memberi tumpuan terhadap pihak lelaki.

Produk kecantikan pada hari ini bukan hanya menjadi satu keperluan yang khas bagi golongan wanita, golongan lelaki juga semakin hari semakin mementingkan penampilan diri. Kaum lelaki khususnya lelaki Jepun dan Korea tidak berasa segan dan leceh dengan melakukan penjagaan fizikal diri yang setanding dengan wanita. Golongan lelaki kini

juga memerlukan produk kecantikan untuk menjaga dan mengekalkan kesempurnaan penampilan diri.

Sehubungan itu, bahagian produk kecantikan atau produk penjagaan kulit menjadi semakin mendapat perhatian dalam ruangan majalah fesyen lelaki walaupun masih tidak begitu ketara sebagaimana yang didapati dalam majalah fesyen wanita. Produk kecantikan yang terbaru juga akan diiklankan dalam media massa termasuklah majalah fesyen agar dapat mempromosikan produk-produk kepada para pengguna di samping merangsangkan para pembaca tentang kepentingan penjagaan penampilan diri dengan bantuan produk kecantikan. Produk kecantikan atau bahan penjagaan kulit yang terbaru akan diiklankan dalam majalah fesyen dan teks penerangan bagi produk tersebut juga akan ditulis sama ada di tepi, di atas atau di bawah gambar produk baru.

Bahasa yang digunakan dalam iklan memainkan peranan penting kerana ia memberi impak yang tinggi kepada pembaca supaya mereka tertarik dan percaya akan maklumat mengenai sesuatu produk yang terdapat dalam majalah tersebut. Ini telah dibuktikan dengan pendapat Asmah Haji Omar (1984:3) iaitu penggunaan bahasa dalam iklan mempunyai matlamat sendiri di mana para pengguna sebagai sasaran.

Penggunaan bahasa antara gender memang ditunjukkan dalam semua jenis majalah terutamanya majalah fesyen kerana biasanya majalah fesyen diterbitkan dengan menjadikan salah satu gender sebagai pembaca sasaran. Oleh sebab sasaran sesebuah majalah hanya tertumpu terhadap salah satu gender, penggunaan bahasa dalam bahasa iklan mungkin mengalami perbezaan pemilihan kata antara gender dalam majalah wanita dan lelaki.

Dari segi bahasa yang digunakan dalam iklan majalah tersebut, pemilihan bahasa dan kosa kata dalam iklan umpamanya kata sifat didapati memiliki kuasa pujukan yang terbaik (*best persuasive power*) untuk menggalakkan pembaca untuk membeli produk yang diiklankan (Qunsheng Ke & Weiwei Wang, 2013). Bagi pengiklan pula, kata sifat yang menyifatkan produk dengan jelas merupakan alat yang terbaik (ibid.). Maka, penggunaan kata sifat yang sesuai dalam majalah fesyen wanita dan majalah fesyen lelaki adalah penting supaya dapat memujuk pembaca wanita atau lelaki untuk melanggan produk baru yang diiklankan. Sehubungan itu, aspek perhubungan kata sifat dengan gender jarang diselidik oleh ahli linguistik dan ini telah mendorong pengkaji untuk meninjau perkara ini dengan lebih mendalam lagi.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini adalah berkenaan dengan penggunaan bahasa antara gender dalam bahasa iklan yang terdapat dalam majalah fesyen Jepun iaitu *Non-no* dan *Men's Non-no*. Secara khususnya, fokus kajian ini ialah pemilihan kata sifat atau kata adjektif yang digunakan dalam iklan yang memperkenalkan serta menerangkan maklumat yang berkaitan dengan produk kecantikan baru.

Khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti kata-kata sifat dan kekerapan penggunaannya dalam bahasa iklan yang memperkenalkan produk kecantikan baru dalam kedua-dua majalah *Non-no* dan *Men's Non-no*.
- ii. Mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam pemilihan kata sifat dari aspek gender dalam iklan yang memperkenalkan produk kecantikan baru antara majalah *Non-no* dengan majalah *Men's Non-no*.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah kata-kata sifat dan kekerapan penggunaannya dalam bahasa iklan yang memperkenalkan produk kecantikan baru dalam kedua-dua majalah *Non-no* dan *Men's Non-no*?
- ii. Apakah persamaan dan perbezaan dalam pemilihan kata sifat dari aspek gender dalam iklan yang memperkenalkan produk kecantikan baru antara majalah *Non-no* dengan majalah *Men's Non-no*?

1.5 Limitasi Kajian

Kajian ini hanya meneliti jenis-jenis kata adjektif yang dipilih dan digunakan dalam bahasa iklan majalah-majalah fesyen wanita dan lelaki dalam bahasa Jepun. Aspek yang juga dititikberatkan dalam kajian ini ialah perbezaan dan persamaan dalam pemilihan kata-kata sifat dari aspek gender dalam teks yang memperkenalkan produk kecantikan baru antara majalah *Non-no* dengan majalah *Men's Non-no* yang dipilih sebagai sumber data dalam kajian ini. Di samping itu, hanya bahasa bertulis (*written texts*) dalam halaman tersebut dikaji dan halaman lain yang juga mempunyai kandungan yang sama tidak akan diperhatikan. Aspek lain seperti ciri-ciri penampilan produk kecantikan yang tertera dalam halaman-halaman majalah fesyen tidak akan diberi perhatian dalam kajian ini.

Aspek fonetik bagi sesetengah istilah adjektif juga tidak difokus dalam bahagian penganalisan data. Ini disebabkan sesetengah huruf kanji dalam bahasa Jepun mempunyai dua jenis sebutan utama yang dikenali sebagai *On'yomi* (*Chinese reading*) dan *Kun'yomi* (*Japanese reading*), tetapi maksud istilah tersebut kekal sama. Contoh-

contoh dalam Jadual 1.1 menunjukkan sebutan *On'yomi* dan *Kun'yomi* bagi sesuatu kanji yang sama.

Jadual 1.1: Contoh-contoh Huruf Kanji dan *On'yomi* dan *Kun'yomi* yang Relevan

Kanji	<i>On'yomi</i>	Makna	<i>Kun'yomi</i>	Makna
新	新年	tahun baru	新しい	baru
	(<i>shinnen</i>)		(<i>atarashii</i>)	
古	中古	terpakai	古い	lama/ buruk
	(<i>chūko</i>)	<i>secondhand</i>	(<i>furui</i>)	

Misalnya, istilah 新年 (*shinnen*) dan 新しい (*atarashii*) memaparkan bahawa huruf kanji “新” mempunyai *On'yominya* sebagai *shin* dan *Kun'yominya* sebagai *atara*. Manakala, huruf kanji “古” berbunyi *ko* iaitu *On'yominya* dalam 中古 (*chūko*) dan *furu* iaitu *Kun'yominya* dalam 古い (*furui*).

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana dapat memberi gambaran yang lebih lanjut kepada pembaca majalah fesyen serta pengkaji lain dari bidang linguistik dan gender. Umpamanya bagi pihak yang berminat dalam penggunaan bahasa dalam bidang fesyen Jepun seperti penggunaan dan pemilihan kata adjektif antara gender. Penggunaan kata sifat atau kata adjektif dalam halaman majalah fesyen wanita dan lelaki yang didapati dalam kajian ini juga dapat menunjukkan bahawa isu gender dan faktor lain seperti pandangan yang berasaskan ciri-ciri sosial boleh mempengaruhi pemilihan penerbit sebelum apa-apa dipapar dan dicetak.

Pengkaji berpendapat kajian ini juga boleh memaparkan pemilihan bahasa yang berlaku dalam penggunaan bahasa iklan antara gender terutamanya dalam bidang fesyen yang

sering mengalami perubahan yang baru. Selain itu, kajian ini dapat memberi maklumat mengenai perkembangan penulisan bahasa iklan dalam majalah fesyen Jepun.

1.7 Definisi Istilah Kajian

Gender merujuk kepada sifat-sifat lelaki dan wanita berdasarkan sosial (Coates, 2004).

Bahasa dan Gender merujuk kepada perhubungan di antara bahasa dan idea kita terhadap lelaki dan wanita (Goddard, 2000: 1)

Adjektif atau ***Kata Sifat*** ditakrifkan sebagai kata (seperti besar, tinggi, marah) yang menerangkan sifat sesuatu benda atau yang menerangkan kata nama (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2008).

Produk Kecantikan ialah sesuatu barang yang dihasilkan oleh pihak pengeluar atau pengusaha yang bertujuan untuk mencantikkan rupa muka para pelanggannya dalam konteks kajian ini. “Produk kecantikan” dalam iklan-iklan dalam kajian ini termasuklah kosmetik, produk penjagaan kulit, minyak wangi dan sebagainya.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Kajian berkaitan dengan isu gender dalam bidang linguistik bukan lagi merupakan topik baru. Bukan sahaja ahli linguistik yang dikenali sebagai feminis yang cenderung dalam penyelidikan berkenaan dengan isu gender, malahan ramai tokoh linguistik yang dari bidang lain juga berminat melakukan penyelidikan mengenai bahasa dan gender. Sehubungan ini, penyelidikan dan kajian lepas yang berkenaan dengan bahasa, gender dan bahasa media dirujuk dalam bab ini.

2.1 Bahasa dan Gender

Bagi kajian ini, 'gender' dirujuk sebagai satu istilah yang berbeza daripada *sex* dan didefinisikan sebagai *a socially mediated expression of the biological given, sex* atau ungkapan pengantara secara sosial bagi ciri biologi yang diberikan iaitu seks (Cameron, 1997). *Gender* merujuk kepada konstruksi sosial dan identiti lelaki dan wanita dalam sesuatu masyarakat (Jariah Mohd Jan, 2011: 35). Ia merupakan hasil pembentukan sosial yang diperolehi daripada interaksi sosial yang wujud dalam masyarakat.

Coates (2004: 4) dalam kajiannya membezakan *jantina* dan *gender* berdasarkan perbezaan biologi, di mana *gender* merupakan tema yang digunakan untuk mendeskripsikan sifat-sifat lelaki dan wanita berdasarkan sosial. Lips (1993: 4) pula menyatakan bahawa *gender* ialah budaya perlakuan yang diharapkan untuk lelaki dan wanita. Pendapat ini disokong oleh Lindsey (1990: 2) yang menganggap bahawa semua

ketetapan masyarakat tentang hal-hal penentuan seseorang sebagai lelaki atau wanita adalah termasuk dalam bidang kajian gender.

Di samping itu, Wilson (1982: 2) menganggap gender sebagai sesuatu dasar yang digunakan untuk menentukan perbezaan sumbangan lelaki dan wanita. Bagi Showalter (1989: 3) pula, gender didefinisikan sebagai perbezaan antara lelaki dan wanita dengan melihat bentuk sosiobudaya masyarakatnya. Bagi Talbot (1998: 1), gender merupakan satu bahagian yang penting dalam semua masyarakat. Ini disebabkan sebagai seorang lelaki atau wanita, kejantinaan yang berbeza mempengaruhi tingkah-laku kita di dunia dan cara dunia melayan kita. Beliau menjelaskan gender sebenarnya merupakan satu kategori sosial.

Bahasa dan gender merupakan perhubungan di antara bahasa dan idea-idea masyarakat terhadap lelaki dan wanita. Seperti yang disarankan oleh Goddard (2000: 1), bahasa dan gender merujuk kepada perhubungan di antara bahasa dan idea kita terhadap lelaki dan wanita. Pendapat Talbot (1998) dalam konsep gender dan bahasa juga menyatakan bahawa bahasa yang kita gunakan, dan bahasa tersebut yang diguna terhadap kita, berkait rapat dengan gender.

2.1.1 Bahasa Wanita

Bahasa wanita sering dikaitkan dengan kesopanan, kelembutan, kelemahan, kurang keyakinan dan *eagerness to please* yang biasanya berkonotasi negatif atau kurang adil terhadap wanita (Jerpensen 1922, Lakoff 1975). Tanggapan tersebut telah banyak kali dibuktikan oleh pakar linguistik yang mahir dalam bidang gender. Misalnya, Jespersen (1922) menyatakan bahawa sumbangan wanita kepada bahasa adalah mengekalkan kesucian atau *purity* bahasa di mana wanita lebih suka atau mengutamakan kehalusan

bahasa dan menggunakan bahasa yang beralas dan tidak langsung. Beliau juga berpendapat bahawa wanita agak segan jika menyebutkan bahagian anggota tubuh jika dibandingkan dengan lelaki terutamanya lelaki muda yang menyebutkannya secara terang-terang. Jespersen juga mengemukakan bahawa bahasa yang digunakan oleh wanita lebih kerap menggunakan kata sifat berbanding dengan bahasa yang digunakan golongan lelaki. Wanita dikatakan sering menggunakan *adorable*, *charming*, *sweet*, atau *lovely* yang bersifat feminin dibandingkan dengan kata yang neutral, seperti *great*, *terrific*, *cool*, atau *neat* (Lakoff, 1975).

Peninjauan yang menumpukan kajian tentang perhubungan bahasa dan gender telah dipelopori oleh Robin Tolmach Lakoff mulai tahun 1975. Beliau membentangkan teori tentang kewujudan bahasa wanita kerana terdapat unsur-unsur yang berbeza antara bahasa wanita dan bahasa lelaki. Bahasa lelaki sering digambarkan dengan kriteria yang lebih tegas, matang dan suka menggunakan istilah yang tepat. Sebaliknya, bahasa yang digunakan oleh wanita adalah tidak tegas, tidak secara terang-terangan atau cenderung menggunakan kata-kata kiasan, dan berhati-hati ketika mengungkapkan sesuatu, serta kerap menggunakan kata yang lebih halus dan sopan. Hipotesis Lakoff (1975) tentang ciri-ciri bahasa wanita dapat digolongkan seperti yang berikut:

1. Penggunaan *Hedges*: frasa seperti *sort of*, *kind of* atau *it seems like*.
2. *Empty adjectives*: kata sifat atau kata adjektif yang bertindak untuk melembutkan dan menyesuaikan konteks ayat tertentu walaupun kata-kata sifat tersebut tidak mengandungi makna yang khusus seperti *divine*, *adorable*, atau *gorgeous*.
3. Bentuk *super-polite* : "*Would you mind...*", "*...if it's not too much to ask*" atau "*Is it o.k if...?*"

4. *Apologize more*: contohnya, wanita gemar meminta maaf sebelum meneruskan perbualan umpamanya "*I'm sorry, but I think that...*"
5. *Avoid coarse language or expletives* iaitu wanita mengelakkan bahasa kasar dan kata-kata *taboo* dalam bahasa mereka.
6. *Tag questions*: wanita dianggap suka berbahasa dalam bentuk soalan *tag*, contohnya, "*You don't mind eating this, do you?*".
7. *Hyper-correct grammar and pronunciation*: penggunaan tatabahasa yang tepat dan penyebutan yang jelas.
8. *Indirect requests*: permintaan yang tidak langsung seperti "*Wow, I'm so thirsty.*" yang sebenarnya sedang meminta air atau minuman.
9. *Tone*: penggunaan *tone* untuk menekankan sesetengah kata. Antaranya ialah *so*, *very* atau *quite*.

Jespersen (1922) dan Lakoff (1975) telah menekankan beberapa kriteria bahasa wanita yang sama selain daripada kesopanan dan kesantunan bahasa. Antaranya termasuklah wanita mementingkan kehalusan bahasa dan suka menggunakan bahasa yang tidak langsung atau *indirect requests*. Persamaan kedua ialah pengelakan menggunakan bahasa kasar atau tidak sopan dan istilah yang berkaitan dengan bahagian tubuh badan tergolong dalam kategori kata yang kurang sopan dan malu.

Di samping itu, penggunaan kata sifat yang kerap meskipun tidak membawa makna yang khas dalam ayat juga diketengahkan oleh Jespersen (1922) dan Lakoff (1975). Kata-kata adjektif yang digunakan oleh wanita lebih berunsur feminin kerana wanita jarang menggunakan kata-kata yang lebih neutral sebagaimana yang dinyatakan oleh Jespersen (1922). Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Bonvillain (2001) iaitu

seseorang wanita cenderung menggunakan kosa kata pada tahap tertentu seperti penglabelan warna *magenta* atau *turquoise* adalah lebih kerap digunakan oleh wanita.

Menurut Wolfram (1969), kaum wanita memperlihatkan tahap kepekaan yang lebih terhadap ciri-ciri bahasa yang diberi penilaian yang tinggi daripada lelaki. Manakala Labov (1990) berpendapat bahawa kaum wanita secara konsisten dan lebih kerap menggunakan bentuk-bentuk bahasa yang lebih mendekati bentuk-bentuk yang berprestij berbanding dengan bentuk bahasa yang digunakan dalam kalangan kaum lelaki.

2.1.2 Bahasa Lelaki

Dale Spender (1980) telah menyatakan bahasa itu adalah buatan atau direka oleh lelaki. Maka bahasa itu juga dikatakan sebagai *Man-made Language*. Ini disebabkan lelaki dari awal lagi keluar bekerja dan menggunakan perkataan, ayat dan wacana yang khusus dengan kerjaya mereka supaya berkomunikasi dengan berkesan. Oleh yang demikian, bahasa lelaki lebih *vigor*, berimajinasi dan kreatif. Jikalau tanpa semua unsur ini, bahasa akan menjadi *languid dan insipid*. Menurutny (ibid.) lagi, ini berpunca kepada daya kepintaran dan kepentingan peranan lelaki serta deraan mengenai wanita. Misalnya, bahasa yang digunakan oleh lelaki dikamuskan dan dinamakan dengan nama-nama orang lelaki seperti *Longman, Collins, Webster, Oxford* dan sebagainya. Nama-nama kamus ini masih popular sehingga hari ini.

Selain itu, Labov (1995) juga berpandangan bahawa kaum lelaki lebih banyak menggunakan bahasa tidak baku jika berbanding dengan kaum wanita. Pandangan beliau telah disokong oleh Bonvillain (2001) yang menyatakan golongan lelaki lebih

sering menggunakan kata-kata makian atau umpatan berbanding dengan golongan wanita.

Kesimpulannya, perbezaan bahasa di antara kedua-dua jantina iaitu lelaki dan wanita sememangnya wujud. Beberapa penelitian telah dilakukan oleh para ahli sarjana telah menyatakan bahawa bahasa wanita lebih lembut dan bersopan berbanding dengan bahasa lelaki yang lebih tegas dan langsung. Perbezaan ini dapat ditinjau melalui struktur bahasa dan kosa kata yang digunakan oleh lelaki dan wanita.

2.2 Bahasa Gender dan Media

Media merupakan satu arena yang mempertikaikan makna dan bukan tempat di mana sesuatu makna budaya yang ditetapkan (Van Zoonen, 1991). Selain itu, media massa juga merupakan sejenis komunikasi sama ada dalam bentuk penulisan, siaran atau pertuturan yang menarik minat orang ramai. Ini termasuklah televisyen, radio, pengiklanan, filem, internet, suratkhbar, majalah dan sebagainya. Natijah daripada itu, media ialah agen yang paling berkesan untuk menanam sebarang pandangan dan ideologi yang baru dalam kalangan masyarakat.

Abang Patdeli Abang Muhi (2012) menyatakan bahawa media memainkan peranan dan tanggungjawab moral dan sosialnya untuk menyebarkan penggunaan bahasa yang baik, indah dan persis. Maka, bahasa atau perkataan memainkan peranan yang penting dalam media cetakan.

Penggunaan bahasa yang sesuai dan tepat akan menyempurnakan proses komunikasi antara pihak media dan masyarakat yakni masyarakat memahami maksud mesej yang ingin disampaikan oleh pihak media. Ini disebabkan mesej yang dibuat akan membuat

orang lain mencipta makna untuk dirinya sendiri yang berhubung kait dengan beberapa makna yang dibuat dalam mesej (Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad & Nurul Huda Mohd Saad, 2010).

2.2.1 Femininiti dan Maskuliniti Dalam Media (Majalah)

Kebanyakan penyelidikan terhadap iklan dalam majalah adalah berdasarkan rangka teori analisis yang diperkenalkan oleh Goffman (1974). Teknik analisis beliau tertumpu pada tangan, mata, lutut, ekspresi muka, posture kepala, saiz relatif, kedudukan, *head-eye aversion*, gigitan dan hisapan jari yang menjadi ciri-ciri bagi komunikasi antara gender (Lindner, 2004). Craig (1992) pula menyatakan bahawa iklan-iklan secara amnya mempromosikan barang-barang kepada kita dan kita akan menentukan “maskuliniti” dan “femininiti” barangan tersebut secara sosial. Sehubungan ini, teknik analisis Goffman terhadap model iklan (1974) juga dapat mendorong pembaca menentukan sifat “maskuliniti” dan “femininiti” produk iklan.

Satu analisis yang dijalankan terhadap majalah *Seventeen* telah menunjukkan lelaki selalunya memegang pelbagai peranan yang penting seperti dalam perkerjaan landskap (Massoni, 2004). Manakala wanita pula sering dikaitkan dengan perkerjaan seperti kecantikan, belia, dan perkhidmatan. Kajian oleh Gill (2007) terhadap majalah wanita juga mengesan dapatan yang agak sama, iaitu wanita tidak bercita-cita tinggi dan mempunyai idea femininiti yang konstruktif terhadap fesyen, kecantikan dan hubungan. Ini telah membina dan mengekalkan mesej ideologikal terhadap ketidakadilan jantina.

Kajian yang dilakukan oleh Massoni (2004) dan Gill (2007) telah memberi mesej bahawa lelaki selalu dihubungkan aspek maskuliniti termasuk kekuatan, berkuasa, kepintaran dan sebagainya. Sebaliknya, wanita pula dijalinan dengan unsur femininiti seperti bercita-cita sempit, peka terhadap fesyen dan kecantikan.

Dalam iklan-iklan fesyen, lelaki digambarkan dalam pendirian yang dominan, tidak tersenyum atau menyentuh orang lain. Model lelaki dalam iklan mungkin menghadap mukanya pada penonton atau pembaca atau produk iklan tetapi jarang menghadap ke arah orang lain di studio. Pengelakan untuk kemesraan telah mengutuhkan sifat maskuliniti lelaki walaupun dalam bidang pengiklanan (MacKinnon, 2003).

Walaupun kebanyakan kajian dijalankan terhadap bahasa pertuturan dan gambar dalam aspek gender terutamanya dalam iklan. Namun masih terdapat beberapa penyelidikan lepas yang dibuat tentang bahasa penulisan dalam aspek pengiklanan khususnya dalam penggunaan bahasa dalam pengiklanan. Menurut Aliyah (2007), iklan yang disampaikan dengan menggunakan bahasa yang menunjukkan ciri-ciri maskuliniti dan stereotaip untuk memikat hati lelaki. Selain itu, dapatan kajian Khoo (2012) juga memaparkan bahawa perkataan *fast*, *cool*, *power*, dan *men* sering digunakan ke atas lelaki dalam iklan yang mempunyai sifat kelelakian.

2.3 Majalah Fesyen

Majalah-majalah merupakan suatu pengantar media massa yang popular dalam kalangan masyarakat hari ini. Majalah fesyen pula ialah salah satu jenis media cetakan yang amat digemari dalam kalangan masyarakat kerana kebanyakan mereka ingin mengetahui produk yang terkini khususnya produk seperti beg tangan, kasut, pakaian, kosmetik dan lain-lain.

Dalam hal ini, Yep (2007) berpendapat bahawa majalah ialah pilihan yang baik untuk mendapatkan maklumat terkini dalam masa yang tersingkat di samping penggunaan majalah boleh dijadikan sebagai korpus utama. Pandangan beliau adalah selari dengan

pandangan Jariah Mohd Jan dan Kow (2003) yang menyatakankan bahawa majalah menyediakan suatu asas yang subur untuk penyelidikan tentang cara identiti gender digambarkan.

Di negara Jepun, majalah fesyen wanita telah mengalami perubahan yang ketara semenjak zaman dahulu seperti yang dikemukakan oleh Keiko (1998) bahawa banyak majalah fesyen wanita Jepun telah mula diterbitkan sejak tahun 1900. Banyak majalah fesyen wanita pernah diterbitkan di negara Jepun, namun bukan semua majalah fesyen berjaya untuk mendapat minat pembaca. Secara langsung, gaya bahasa dalam bahasa bertulis dalam majalah sama ada dalam bahagian iklan atau kandungan yang lain, berperanan penting untuk menarik hati pembaca. Hal ini telah diterangkan oleh Koide (1992) bahawa majalah yang berjaya menarik minat pembaca disebabkan penukaran gaya majalah mereka dari semasa ke semasa dan juga peningkatan kandungan iklan-iklan yang ada dalam majalah.

Penggunaan bahasa dalam majalah merupakan satu faktor yang penting untuk menarik minat pembaca dan ini telah dibuktikan oleh Kawai (1987) yang berpendapat bahawa kejayaan sesuatu majalah bukan hanya bergantung pada permintaan popularnya, tetapi juga strategi penerbit dan pengiklan. Gauntlett (2007: 200) juga menyatakan bahawa satu lagi kritikan yang biasa didapati dalam majalah wanita ialah pihak penerbit majalah membuat wanita berasa teruk terhadap diri sendiri. Penerbit mengulangi kecantikan yang sempurna dalam majalah yang tidak dapat dikecapi oleh kebanyakan wanita dalam majalah.

Maka, penggunaan bahasa yang berdasarkan target pembaca yang digunakan oleh penerbit memaparkan satu strategi penggunaan bahasa untuk menarik minat pembaca.

Bahasa yang berunsur feminin memang harus digunakan dalam majalah wanita supaya memuaskan hati dan ‘selera’ kaum wanita.

The Society for Research on Women's Magazines telah menjalani satu analisis yang mengkaji isi kandungan majalah wanita dari Jepun, Amerika, dan Mexico pada tahun 1986. Kajian menunjukkan majalah wanita menitikberatkan aspek kemudaaan dan kekurusan. Berdasarkan analisis- analisis isi kandungan tersebut, Inoue (1986) mendapati bahawa terdapat banyak halaman dalam majalah wanita Jepun menumpukan dalam topik gaya termasuklah kecantikan dan fesyen serta kerja rumah seperti memasak. Beliau juga menyatakan bahawa majalah wanita menunjukkan ciri-ciri gaya dan kerja rumah manakala majalah lelaki menunjukkan kriteria-kriteria yang berkaitan dengan topik *leisure*.

Namun begitu, dapatan analisis Inoue (1986) bukan lagi sepadan dengan trend majalah lelaki kini. Majalah lelaki pada masa kini terutamanya majalah lelaki Jepun juga terdapat halaman yang berkaitan dengan hal memasak, membasuh baju, mengemas bilik dan isu lain yang tergolong dalam aspek kerja rumah. Fenomena tersebut amat ketara dalam majalah lelaki Jepun kerana budaya yang diamalkan oleh ramai remaja di Jepun iaitu mereka tinggal berseorangan ketika melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi selepas peringkat sekolah menengah.

McRobbie (1996) dan Hermes (1995) menjalankan kajian ke atas pembaca wanita yang membaca novel romantik dan majalah wanita. Dapatan kajian mereka menjelaskan bahawa media wanita tidak selalunya menonjolkan norma-norma gender, sebaliknya berperanan dalam pelbagai fungsi yang berfaedah.

Pengiklanan dalam media wanita merupakan fungsi yang utama dan ini dapat disokong dengan data tinjauan daripada *Dentsu Advertising Expenditure Reports* (2010: 15). Nisbah Komponen Perbelanjaan Pengiklanan mengikut Industri melalui Media Tradisional (*Advertising Expenditure Component Ratios by Industry in the Traditional Media*) telah menunjukkan bahawa kosmetik dan produk kecantikan (*Cosmetics/Toiletries*) mencapai peratus yang tertinggi iaitu 10.4% dalam kos pengiklanan. Ini membuktikan iklan-iklan produk kecantikan dan kosmetik amat penting dalam sesebuah majalah. Penerangan Koide (1992) sekali lagi dikukuhkan dengan data tersebut bahawa iklan-iklan dalam majalah mampu menarik minat pembaca.

2.4 Bahasa dan Iklan

Bahasa iklan juga merupakan salah satu jenis bahasa media yang penting dalam media massa. Rahman Ismail (1996:44) dan Ahmad Samin Siregar (2001) berpendapat yang sama bahawa media cetak dan pengiklanan membina dan mengembangkan bahasa kerana ia mengandungi ungkapan yang dapat mempengaruhi pengguna. Selain itu, pandangan oleh Darwis Harahap (1995) telah menyatakan bahawa penyebaran bahasa yang betul dan penyampai maklumat yang tepat memanfaatkan iklan yang sempurna. Kenyataan yang hampir sama juga disarankan oleh Abang Patdeli Abang Muhi (2012) yakni media memainkan peranan dan tanggungjawab moral dan sosialnya untuk menyebarluaskan penggunaan bahasa yang baik, indah, dan persis dalam kalangan masyarakat.

Dalam sebarang iklan, bahasa merupakan komponen utama untuk menyampaikan mesej kepada para pembaca. Fakta ini disokong dengan pendapat Rahman Ismail (1996: 6) yang menyarankan bahawa bahasa adalah salah satu alat komunikasi yang penting untuk menyampaikan sesuatu mesej. Oleh itu, penggunaan bahasa iaitu kata dan

ungkapan dalam iklan harus dipilih secara teliti kerana ia dapat mempengaruhi pengguna (Lwi, 2004 dan Ahmad Samin Siregar, 2001).

Di samping itu, bahasa yang digunakan dalam iklan dapat menyampaikan sesuatu mesej yang bakal memberi kesan kepada masyarakat. Seperti yang dikemukakan oleh Kawai (1987) di mana kejayaan sesuatu majalah juga bergantung kepada strategi penerbit dan pengiklan selain daripada permintaan popularnya daripada pembaca. Salah satu strategi yang biasa didapati dalam majalah wanita ialah pihak penerbit majalah membuat wanita berasa teruk terhadap diri sendiri (Gauntlett , 2007: 200).

Justeru, Ng (1999: 1) memberi kenyataannya bahawa fungsi utama bahasa iklan adalah untuk menarik perhatian masyarakat, mengubah kemahuan, dan akhirnya mengubah tindakan masyarakat agar membeli barangan yang diiklankan setelah pembaca mencipta makna untuk dirinya sendiri yang berhubung kait dengan beberapa makna yang disampaikan dalam mesej media (Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad & Nurul Huda Mohd Saad, 2010).

Penggunaan istilah adjektif dalam bahasa iklan pernah dikaji oleh Leech pada tahun 1966. Beliau telah memberikan gambaran yang menyeluruh dari sudut pandangan ahli linguistik tentang bagaimana bahasa digunakan dalam bidang pengiklanan. Senarai berikut ialah dapatan daripada Leech (1966) mengenai kekerapan 20 kata adjektif yang paling kerap dalam sampel iklan televisyen pada 1960-an.

Jadual 2.1: Senarai 20 Kata Adjektif yang Paling Kerap oleh Leech (1966)

	Kata Sifat	Makna		Kata Sifat	Makna
1	<i>new</i>	baru	11	<i>crisp</i>	garing
2	<i>good/better/best</i>	baik/ lebih baik/ terbaik	12	<i>fine</i>	halus
3	<i>free</i>	percuma/ bebas	13	<i>big</i>	besar
4	<i>fresh</i>	segar	14	<i>great</i>	sangat bagus/ besar
5	<i>delicious</i>	lazat	15	<i>real</i>	sebenar
6	<i>full</i>	penuh	16	<i>easy</i>	senang
7	<i>sure</i>	pasti	17	<i>bright</i>	cerah
8	<i>clean</i>	bersih	18	<i>extra</i>	tambahan
9	<i>wonderful</i>	indah	19	<i>safe</i>	selamat
10	<i>special</i>	istimewa	20	<i>rich</i>	kaya

Dapatan Leech (1966) ini penting untuk kajian ini yang meninjau pemilihan dan penggunaan kata sifat dalam majalah fesyen kerana hasil beliau telah menunjukkan bahawa pihak pengiklan lebih gemar memilih dan menggunakan kata sifat yang mempunyai konotasi positif dalam iklan televisyen. Kata adjektif yang berbunyi baik atau tidak begitu negatif penting dalam memberikan impresi pertama yang mendalam dalam minda penonton. Situasi yang seiras mungkin boleh dikesan melalui penggunaan bahasa dalam majalah fesyen Jepun.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian kepustakaan di atas, kajian ini dijalankan untuk meninjau pemilihan dan penggunaan bahasa antara gender dalam teks halaman produk kecantikan wanita dan lelaki yang terbaru dalam majalah fesyen. Perkaitan antara bahasa (kata sifat) dan gender serta fenomena lain yang kemungkinan masih wujud akan ditinjau dan dibincangkan.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan cara-cara kajian ini dijalankan dengan berlandaskan objektif kajian yang dinyatakan dalam Bab 1. Penerangan yang terperinci tentang pengumpulan data dan penganalisan data juga dinyatakan. Dalam bahagian pengumpulan data, kriteria majalah fesyen yang terpilih dijelaskan diikuti dengan pemilihan iklan-iklan produk kecantikan baru. Seterusnya, kaedah penganalisan data dikemukakan dengan teliti dalam bahagian yang seterusnya.

3.1 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini terdiri daripada iklan yang memperkenalkan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* dan majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no*.

Bagi majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no*, hanya iklan yang terpapar dalam halaman yang mengiklankan produk kecantikan terbaru sahaja yang dipilih daripada majalah-majalah tersebut yakni halaman “Oota unino Byutisaijiki” (おおた ういの ビューティー 歳時記) (lihat Rajah 3.1).



Rajah 3.1: Sampel Halaman “Oota unino Byutisaijiki”
(おたうにのビューティー歳時記)

Manakala halaman yang bertajuk “MASAH IN BEAUTY SEASON 2” daripada majalah *Men's Non-no* dipilih untuk mengumpulkan teks iklan sebagai sampel kajian. Ini telah berubah kepada “Beauty Lock up!!” bagi majalah keluaran 2012.



Rajah 3.2: Masah in Beauty Season 2, 2011 and Beauty Lock up, 2012

Walaupun halaman yang dipilih daripada majalah-majalah *Men's Non-no* mempunyai dua tajuk yang berlainan, namun isi kandungan yang sama di halaman “Beauty Lock up!!” merupakan versi baru keluaran tahun 2012 bagi halaman “MASAH IN BEAUTY SEASON 2” yang tertera dalam naskah majalah keluaran 2011.

Rasional bagi pemilihan halaman tersebut adalah dalam konteks pengenalan produk kecantikan baru kepada para pembaca, kandungan majalah umpamanya bahasa yang digunakan sebagai strategi menarik perhatian sebagaimana yang diketengahkan oleh Kawai (1987) dan Koide (1992). Maka, kata sifat atau kata adjektif yang sepadan dalam bahasa iklan berperanan sebagai rangsangan utama untuk mendapat kepercayaan pembaca bahawa mereka masih tidak sempurna dan seterusnya menjadi pengguna produk kecantikan tersebut pada masa akan datang agar mencapai kesempurnaan yang tidak dapat dikecapi oleh kebanyakan pembaca (Gauntlett, 2007).

Sejumlah 8 naskah majalah fesyen Jepun iaitu empat naskah majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* dan empat naskah majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no* dari bulan Disember 2011 sehingga bulan Mac 2012 digunakan sebagai korpus kajian ini.

Sebanyak 4 halaman “Oota unino Byutisaijiki” (おおた ういの ビューティー歳時記) daripada majalah *Non-no* serta 1 halaman “MASAH IN BEAUTY SEASON 2” dan 3 halaman “Beauty Lock up !!” daripada majalah *Men's Non-no* dijadikan sumber pengumpulan data.

Jadual 3.1: Jumlah Iklan dari Majalah *Non-no* dan Majalah *Men's Non-no*

	Majalah <i>Non-no</i>	Majalah <i>Men's Non-no</i>
Disember 2011	9	4
Januari 2012	7	6

Februari 2012	8	6
Mac 2012	7	6
	31	22
Jumlah	53	

Seterusnya, sejumlah 53 rangkap teks iklan pengenalan produk kecantikan baru dipilih dari halaman yang berkenaan dijadikan data kajian. Majalah fesyen wanita *Non-no* telah menyumbangkan 31 rangkap teks manakala 22 rangkap teks dikumpulkan dari majalah fesyen lelaki *Men's Non-no* (lihat Jadual 3.1). Oleh sebab jumlah produk kecantikan baru yang diperkenal dalam majalah fesyen lelaki, *Men's Non-no* adalah kurang berbanding dengan jumlah produk kecantikan baru yang diiklankan dalam majalah fesyen wanita, *Non-no*, justeru bilangan rangkap teks yang dijadikan sampel kajian juga berbeza. Langkah seterusnya merupakan pengumpulan kata-kata adjektif daripada 53 rangkap teks iklan yang diperoleh.

3.2 Metod Kajian

Secara umumnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Garabino S. & J. Holland (2009) menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif dapat menggunakan rangka kerja analitikal sosial untuk menginterpretasikan *patterns* dan *trends* yang diperhatikan. Maka, data akan dikumpul daripada dua jenis majalah fesyen Jepun iaitu *Non-no* dan *Men's Non-no* untuk meninjau penggunaan dan pemilihan kata sifat antara gender dalam iklan majalah serta menginterpretasikannya berdasarkan rasional-rasional yang diperoleh dari kajian lepas.

Menurutnya (ibid.) lagi, data-data kajian menjadi lebih 'berkuasa' apabila pendekatan kualitatif dan kuantitatif digabungkan. Oleh itu, data kuantitatif seperti kekerapan dan peratusan juga tergolong dalam dapatan hasil kajian dengan bantuan perisian

Microsoft Excel. Misalnya, pembinaan jadual, penjumlahan kekerapan serta pengiraan peratusan semasa penganalisisan data.

3.2.1 Kebolehpercayaan (*Reliability*) Kajian

Oleh sebab sesetengah kata adjektif merupakan kata-kata pinjaman daripada bahasa asing yang lain. Dengan kata lain, kata adjektif tersebut yang muncul dalam iklan majalah fesyen ialah kata yang paling baru dalam bidang fesyen yang berkembang pesat dari semasa ke semasa. Namun begitu, bukan semua kata sifat yang tergolong dalam kata pinjaman biasa diguna dan diterima guna dalam bidang lain. Dengan ini, kamus lain seperti kamus elektronik juga tidak dapat dicari makna butir-butir pinjaman yang terkini ini. Salah satu cara lain untuk meningkatkan kebolehpercayaan makna istilah adalah melalui sumber rujukan internet yang terbaru terutamanya halaman web rasmi yang berkaitan dengan fesyen Jepun.

Bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian, ketepatan makna kata-kata sifat dirujuk kepada subjek yang terdiri daripada 2 orang pengajar bahasa Jepun di institut pengajian tinggi tempatan dan 2 orang penutur asli bahasa Jepun yang kini tinggal di Tokyo. Langkah ini diperlukan untuk menghasilkan data yang boleh dipercayai sebagaimana yang dikemukakan oleh Stenbacka (2001) tentang kepentingan *reliability* atau kebolehpercayaan dalam sesuatu kajian yang berkualiti, yakni

the concept of a good quality research when reliability is a concept to evaluate quality in quantitative study with a “purpose of explaining” while quality concept in qualitative study has the purpose of “generating understanding” (p. 551)

Justeru, ketepatan maksud kata-kata adjektif bukan sahaja dapat meningkatkan kebolehpercayaan hasil dapatan kajian malahan mampu menjana pemahaman dalam kalangan pembaca.

3.2.2 Terjemahan Teks Iklan

Iklan-iklan yang diperoleh daripada majalah kajian adalah dalam bahasa Jepun, maka instrumen yang diperlukan dalam pengalisan data merangkumi penterjemahan. Istilah-istilah adjektif dalam bahasa Jepun akan dirujuk maksudnya dalam bahasa Inggeris dengan alat penterjemahan melalui *denshi jisho* (kamus elektronik) dan *Google translate* dari internet. Oleh sebab kelemahan yang terbesar bagi penterjemahan elektronik adalah mesin penterjemahan tidak dapat ‘melihat’ keseluruhan ayat tetapi hanya berfungsi dalam skala yang kecil tanpa ‘mengetahui’ makna keseluruhan teks (Barbara Cairns, 1988). Dengan ini, ketepatan makna dikenalpastikan dengan pertanyaan kepada pengajar dan penutur asli bahasa Jepun kerana menurut Malmberg (1986), manusia dapat menterjemahkan makna keseluruhan teks dan bukannya membuat penterjemahan perkataan demi perkataan.

Seterusnya, makna bahasa Inggeris tersebut akan diterjemahkan lagi kepada bahasa Malaysia. Proses penterjemahan secara terus ke bahasa Malaysia didapati mengalami penyisihan makna daripada makna teks iklan yang sebenar dalam bahasa Jepun. Maka, prosedur ini diperlukan atas sebab penterjemahan dari bahasa Jepun ke bahasa Inggeris dapat memberikan makna yang lebih tepat untuk dirujuk sebelum diterjemahkan ke bahasa Malaysia. Cara penterjemahan triple ini dapat meningkatkan kebolehpercayaan maksud teks iklan yang dikaji.

3.3 Analisis Data

Data yang terkumpul akan dianalisis mengikut metod *Analisis Kandungan* (*Content Analysis*). *Analisis Kandungan* ialah satu kaedah yang boleh diaplikasikan sama ada dengan data kualitatif ataupun data kuantitatif. Menurut Cole (1988), *Analisis Kandungan* merupakan satu metod untuk menganalisis mesej komunikasi bertulis, verbal atau visual. Ia pertama kali digunakan untuk menganalisis *hymns*, artikel suratkhbar dan majalah, iklan, dan ucapan politik pada abad ke-19 (Harwood & Garry, 2003).

Kajian ini menggunakan kaedah *Analisis Kandungan* untuk meninjau pemilihan penggunaan kata sifat dalam bahasa iklan bagi majalah fesyen Jepun wanita dan lelaki. Selain itu, persamaan dan perbezaan pemilihan istilah-istilah tersebut antara gender dikaji dan diterangkan berdasarkan kerangka teori yang berikut.

3.3.1 Rangka Teori

Rangka kerja kajian ini adalah berdasarkan pendapat dan hasil kajian yang dibuktikan oleh Leech (1966) yang berkenaan dengan kekerapan penggunaan kata adjektif dalam iklan (lihat Bab 2, Bahagian 2.4). Hasil kajian beliau dijadikan panduan dan rujukan dalam bahagian penganalisan data terutamanya dalam perbandingan kesamaan dan perbezaan hasil kajian Leech (1966) dengan hasil dapatan kajian ini.

Di samping itu, adaptasi teori-teori yang dikemukakan oleh penyelidik dalam bidang bahasa dan gender juga diaplikasikan dalam penganalisan data. Perbezaan dan persamaan dalam pemilihan kata sifat dalam iklan iaitu teks yang memperkenalkan produk kecantikan baru antara majalah *Non-no* dengan majalah *Men's Non-no* dikupas dengan merujuk kepada ciri-ciri bahasa wanita dan bahasa lelaki yang dikemukakan oleh para linguist seperti Jespersen (1922) dan Lakoff (1975) (lihat Bab

2, Bahagian 2.1.1) serta Koide (1922), Kawai (1987), Gauntlett (2007), Bonvillain (2001), dan Aliyah (2007) (lihat Bab 2, Bahagian 2.3).

3.4 Prosedur Penganalisisan Data

Penganalisisan data dimulakan dengan mengkategorikan kata-kata sifat yang diperoleh daripada 53 rangkap teks pengenalan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen Jepun *Non-no* (31 rangkap) dan *Men's Non-no* (22 rangkap) mengikut frekuensi yang paling kerap. Sila rujuk bahagian Apendiks C (Jadual W1 dan Jadual L1) untuk senarai lengkap kata sifat dan halaman-halaman asal bagi produk kecantikan baru yang terpilih di bahagian Apendiks A dan B.

Seterusnya, kata-kata sifat dibahagikan kepada 3 golongan iaitu neutral, feminin, dan maskulin bagi semua data daripada dua jenis majalah kajian. Kekerapan dan peratusan akan dikira dan dicatat dengan bantuan *Microsoft Excel*.

Selain itu, bagi meningkatkan kebolehpercayaan (*reliability*) maksud kata sifat, kaedah pertanyaan secara tidak formal atau melalui emel dijalankan dengan subjek yang terdiri daripada pengajar bahasa Jepun dan penutur asli bahasa Jepun supaya kesahihan makna dapat dikenalpasti. Senarai kata-kata sifat iaitu Jadual W1 dan Jadual L1 (lihat Apendiks C) juga akan disediakan sebelum penghantaran emel.

Selain itu, cara penghantaran senarai istilah sifat tersebut melalui emel digunakan untuk mengelakkan sebarang ketinggalan maklumat yang penting di samping memastikan maklumat yang didapati iaitu penerangan maksud daripada subjek itu sah dan dapat dibandingkan dengan dapatan data yang telah diterjemah melalui alat penterjemahan laman web. Kaedah ini diperlukan atas sebab terdapat sesetengah kata

sifat yang merupakan istilah yang paling baru dalam bidang fesyen yang berkembang pesat setiap masa. Tambahan pula, kamus lain seperti kamus elektronik juga tidak dapat memberikan makna kata-kata pinjaman adjektif yang terkini.

Pemilihan kata-kata sifat dalam iklan pengenalan produk kecantikan dalam majalah fesyen Jepun akan dikaji dan dibincangkan mengikut kekerapan dan penggunaan dalam iklan-iklan tersebut. Rasional pemilihan dan penggunaan kata adjektif oleh pihak penerbit majalah fesyen Jepun akan dikupaskan mengikut gender dengan contoh frasa atau ayat yang relevan. Aspek sinkronik diberi keutamaan dalam perbincangan kerana bidang fesyen adalah satu bidang yang berkembang dari semasa ke semasa serta mengalami perubahan yang ketara dalam masa yang singkat.

Perbezaan dan persamaan dapatan data akan dibincangkan mengikut kerangka kajian dan kriteria-kriteria yang berdasarkan kerangka teori kajian ini. Aspek lain seperti perubahan ketara yang dialami dalam bidang fesyen merupakan faktor sinkronik yang perlu dipertimbangkan dalam penganalisan data.

Perbincangan hasil dapatan kajian juga akan melibatkan faktor sosiobudaya terutamanya budaya dalam kalangan remaja yang menyebabkan istilah adjektif pinjaman daripada bahasa asing bertambah setiap hari untuk menampung keperluan sektor tersebut demi kefahaman sesama anggota yang terlibat dalam aspek fesyen.

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN

4.0 Pengenalan

Kajian ini merupakan kajian analisis bahasa iklan dari aspek penggunaan kata sifat antara gender bagi dua jenis majalah fesyen Jepun iaitu *Non-no* dan *Men's Non-no*.

Bab ini akan membincangkan dapatan data yakni pemilihan dan penggunaan kata-kata sifat serta kekerapannya dalam iklan-iklan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* dan majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no*. Persamaan dan perbezaan pemilihan kata-kata adjektif dalam majalah-majalah fesyen wanita dan lelaki tersebut ditinjau dari aspek gender iaitu femininiti dan maskuliniti (perbezaan penggunaan kata sifat) serta neutral (kesamaan penggunaan kata sifat).

4.1 Kata-kata Sifat dan Kekerapan

Penganalisan data dijalankan dengan mengumpulkan kata-kata adjektif yang didapati daripada 53 rangkap teks pengenalan produk kecantikan baru dan disusun dalam jadual mengikut frekuensi yang paling kerap. Dapatan kajian ini dibincang dan dibandingkan dengan dapatan Leech (1966) mengenai kekerapan kata-kata sifat yang paling kerap dalam sampel iklan televisyen pada 1960-an.

Sebanyak 135 kata sifat yang berbeza dapat dikumpul daripada 31 rangkap teks pengenalan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen Jepun *Non-no*. Sementara itu, terdapat 84 kata adjektif yang berlainan dapat diperoleh daripada 22 rangkap teks pengenalan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen Jepun *Men's Non-no*.

Senarai-senarai kata sifat yang lengkap dilampirkan dalam Jadual W1 dan Jadual L1 di bahagian Apendiks C.

Jadual-jadual di bawah mencatatkan kata sifat yang mempunyai kekerapan yang melebihi satu kali. Maksud setiap istilah adjektif juga dimasukkan dalam Jadual-jadual Senarai Kata Sifat dari Majalah Fesyen Wanita Jepun, *Non-no* dan Majalah Fesyen Lelaki Jepun,

Men's Non-no dalam Apendiks C.

Keputusan kajian dalam bahagian ini dikupas dengan merujuk kepada 20 kata adjektif yang paling kerap yang disarankan oleh Leech (1966) seperti yang dinyatakan dalam Bab 2, Bahagian 2.4, Jadual 2.1.

4.1.1 Kekerapan Kata Sifat dalam Majalah Fesyen Wanita Jepun, *Non-no*

Senarai kata sifat daripada iklan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* disenaraikan dan disusun mengikut kekerapan dalam Jadual 4.1 kecuali kata adjektif yang hanya muncul sekali dalam teks pengenalan produk kecantikan baru.

Jadual 4.1: Kata Sifat yang Mempunyai Kekerapan,(f) Lebih Daripada Satu dan Makna-maknanya bagi Majalah Fesyen Wanita Jepun, *Non-no*

Bil.	Kata Sifat	Sebutan	Makna Kata Sifat	f
1	限定	<i>Gentei</i>	terhad	10
2	ピンク	<i>pinku</i>	merah jambu	5
3	ミニ	<i>Mini</i>	mini	5
4	可愛/可愛い	<i>Kawai/ Kawaii</i>	comel	4
5	ブラウン	<i>Buraun</i>	perang/ coklat	4
6	なじみ	<i>Najimi</i>	biasa/ akrab	4
7	フルーティー	<i>Furūtī</i>	<i>fruity/</i> buah	3

8	人気	<i>Ninki</i>	terkenal/ popular	3
9	多い	<i>Ōi</i>	banyak	3
10	やすい/やすく	<i>Yasui / yasuku</i>	mudah/senang/ murah	3
11	抜群	<i>Batsugun</i>	cemerlang	2
12	ふんわり	<i>Funwari</i>	kembang/ berbulu	2
13	フレッシュ	<i>Furesshu</i>	segar	2
14	華やぐ/華やかな	<i>Hanayagu/Hanayakana</i>	cemerlang/ glamor	2
15	ハッピーな	<i>Happī na</i>	gembira	2
16	ヘルシー/ベルシー	<i>Herushī /Berushīna</i>	sihat	2
17	いい	<i>Ī</i>	baik	2
18	ジューシーな	<i>Jūshī na</i>	berjus	2
19	クリーミーな	<i>Kurīmī na</i>	berkrim	2
20	キュートな	<i>Kyūto na</i>	cute/ comel	2
21	まさに	<i>Masani</i>	tepat	2
22	ナチュラルな	<i>Nachuraru</i>	natural/ semulajadi	2
23	中	<i>Naka</i>	dalam	2
24	なめらか	<i>Nameraka</i>	licin	2
25	オレンジ	<i>Orenji</i>	jingga	2
26	おしゃれ	<i>Oshare</i>	bergaya/ berfesyen	2
27	大人	<i>Otona</i>	dewasa	2
28	ピュアな	<i>Pyuana</i>	pure/ tulen	2
29	セクシーな	<i>Sekushīna</i>	seksi	2
30	新	<i>Shin</i>	baru	2
31	しっとり	<i>Shittori</i>	licin	2
32	すべすべ	<i>Subesube</i>	licin/ halus/ rata	2
33	すべて	<i>Subete</i>	semua	2
34	好きな	<i>Sukina</i>	suka/gemar	2
35	スペシャルな	<i>Supesharuna</i>	istimewa	2
36	素敵な	<i>Sutekina</i>	hebat	2
37	透明な	<i>Tōmeina</i>	lutsinar/ telus	2
38	うれしい	<i>Ureshī</i>	gembira	2
39	うっとり	<i>Uttori</i>	terpesona	2
40	優しく	<i>Yasashiku</i>	perlahan/ lembut	2
41	よい	<i>Yoi</i>	baik	2

Daripada Jadual 4.1, didapati sebanyak 41 kata sifat dipilih dan digunakan lebih daripada sekali dalam 31 rangkap teks iklan pengenalan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no*.

Antara istilah adjektif yang ditunjukkan di Jadual 4.1, kata 限定 (*gentei*) yang bermaksud “terhad” merupakan kata sifat yang paling popular digunakan dalam teks kajian dengan kekerapannya 10 kali. Seterusnya, ピンク (*pinku*) yang maksudnya “merah jambu” dan ミニ (*mini*) yang bermaksud “mini” ialah kata-kata yang mempunyai kekerapan kedua tinggi iaitu 5 kali masing-masing.

Diikuti dengan 3 lagi istilah adjektif yang muncul 4 kali dalam teks iklan pengenalan produk kecantikan baru, yakni kata adjektif 可愛/可愛い (*kawa /kawaii*) yang bermakna “comel” dan ブラウン (*buraun*) dengan makna “perang/coklat” serta なじみ (*najimi*) yang bermaksud “biasa” atau “akrab”. Terdapat beberapa kata sifat yang agak gemar digunakan dalam bahasa iklan yang dikaji, misalnya フルーティー (*furūtī*) (buah), 人気 (*ninki*) (terkenal/popular), 多い (*ōi*) (banyak), dan やすい/やすく (*yasui/yasuku*) (mudah/senang) yang ditunjukkan sebanyak 3 kali dalam teks kajian.

Di samping itu, 31 kata sifat lain yang digunakan 2 kali dalam data kajian daripada majalah fesyen Jepun, *Non-no* juga tergolong dalam Jadual 4.1. Selain daripada kata adjektif yang digolongkan dalam Jadual 4.1, masih terdapat 94 kata sifat lain yang telah dikesan dalam teks iklan dalam 4 naskah majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no*. (lihat Jadual W1 dalam bahagian Apendiks C).

Senarai kata adjektif yang paling kerap bagi majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* (lihat Jadual 4.1) didapati mempunyai persamaan dengan senarai yang dikemukakan oleh Leech (1966) (lihat Jadual 2.1). Sebanyak 8 istilah kata sifat atau hampir 19.5%

daripada 41 kata sifat dalam Jadual 4.1 menepati 7 istilah kata adjektif dalam senarai Leech (1966) seperti yang tertera dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Persamaan Penggunaan Kata-kata Sifat dalam Majalah Fesyen Wanita Jepun, *Non-no* dan Senarai Kata Adjektif Leech (1966)

	Leech (1966)	<i>Non-no</i>
1	<i>New</i> (baru)	新 <i>Shin</i> (baru)
2	<i>Fresh</i> (segar)	フレッシュ <i>Furesshu</i> (segar)
3	<i>Special</i> (istimewa)	スペシャルな <i>Supesharuna</i> (istimewa)
4	<i>Fine</i> (halus)	すべすべ <i>Subesube</i> (halus)
5	<i>Easy</i> (senang)	やすい/やすく <i>Yasui / Yasuku</i> (senang)
6	<i>Great</i> (sangat baik/ hebat)	素敵な <i>Sutekina</i> (sangat baik/ hebat)
7	<i>Good</i> (baik)	いい <i>Ī</i> (baik)
		よい <i>Yoi</i> (baik)

Jadual 4.2 menyenaraikan kata-kata sifat dari analisis kajian ini yang menepati dengan dapatan Leech (1966). Ini menunjukkan bahawa masih terdapat 8 istilah sifat yang masih popular digunakan dalam media massa setelah masa berlalu lebih daripada tiga dekad. Penerbit atau pengiklan majalah gemar menggunakan istilah-istilah adjektif tersebut seperti contoh-contoh berikut.

a) 新 *Shin* (baru)

W-FEB-R20

ヘレナ ルビンスティン
ウオンテッド
アイズパレット 1 6

限定 新色「エクスウイジット ブロッサム」は優しく 透明感あるピンクグラデとブラウンのパレット。抜け感があるフェミニンな目元はまさにこの春の旬。

*Helena Rubinstein
Wanted
Eyes Palette 16*

Palette dengan warna baru yang terhad, "Ui eksport komposit Blossom" ialah penggredan merah jambu yang telus lembut dan coklat. Terdapat rasa kecaciran bagi mata feminin adalah tepat pada musim bunga ini.

W-FEB-R22

コフレドール
(右) スマイルアップチークス
(左) ブライトアップルージュ

春の新「コフレドール」はナチュラルでハッピーな 素肌をメイク！
(右) くるくるっと重ねるだけで頬に自然な血色が。(左)リッチな発色と潤い感。クリーミィリキッド。

*Coffret D'or
Smile Up Cheeks (right)
Bright Up Rouge (left)*

"Coffret D'or" musim bunga baru menjadikan kulit semula jadi dan ceria!
(kanan) Kompleksi semula jadi dilapisi di pipi hanya dengan berputar berlapis-lapis
(kiri) Perasaan warna dan kelembapan yang kaya. Cecair berkrim.

Kata sifat 新 *Shin* (baru) telah muncul 2 kali dalam pengumpulan data iaitu dalam rangkap ke-20 dan ke-22 (W-FEB-R20 dan W-FEB-R22). Penggunaan 新 *Shin* (baru) dalam 新色 *Shinshoku* bermaksud “warna baru”. Ia juga didapati dalam 春の新「コフレドール」 *Haru no shin /kofuredōru/* yang bermakna “Coffret D’OR baru bagi musim bunga”.

Oleh sebab iklan-iklan adalah berkenaan dengan produk kecantikan baru, maka kata adjektif 新 *Shin* (baru) pasti digunakan oleh pengiklan majalah untuk memberi maklumat tentang produk baru kepada para pembaca. Maklumat seperti warna baru bagi produk kecantikan baru atau produk baru yang dikeluarkan oleh「Coffret D’OR」

pada musim bunga akan menarik perhatian pembaca untuk membelinya kerana ingin mencuba perkara yang baru.

b) フレッシュ *Furesshu* (segar)

W-JAN-R15

マーク ジェイコブス デイジー オーソー <u>フレッシュ セット</u> ファンなら見逃せない、限定のボディローション 75ml&ミニチュアボトルが手に入りチャンス。オードトワレ 75ml もセット。明るいフローラル フルーティーの香りを満喫♪
<i>Marc Jacobs</i> <i>Daisy Ortho</i> <u><i>Fresh Set</i></u> Peminta tiada peluang untuk melarikan diri daripada 75ml Losyen Badan terhad & botol kecil. Juga set 75ml eau de toilette. Menikmati haruman buah bunga yang terang♪

W-FEB-R23

メイベリン フルーティ ジェリーN ジューシーなフルーツの香りと、うるぷる感がたまらない！(右から)チェリーキス 04・シュガーベリー03・ピンク グレープフルーツ 02・<u>フレッシュ メロン</u> 01
<i>Maybelline</i> <i>Fruity Jerry N</i> Bau buah-buahan yang berjus dan rasa kelembapan yang tidak tertanggung! (Dari kanan) <i>Cherry Kiss 04 • Sugar Berry 03 • Pink Grapefruit 02 • <u>Fresh Melon 01</u></i>

フレッシュ *Furesshu* (segar) ialah istilah adjektif yang juga gemar dipilih untuk bahasa iklan umpamanya dalam nama produk *Marc Jacobs Daisy Eau So Fresh* (マーク ジェイコブス デイジー オーソー フレッシュ セット (*Māku jeikobusu Deiji ō sō Furesshu setto*) yang merupakan sebuah set yang merangkumi minyak wangi, losyen badan, dan botol kecil yang untuk mengisi minyak wangi.

Kata sifat フレッシュ *Furesshu* diaplikasikan dalam nama produk untuk menyatakan bahawa minyak wangi jenama tersebut merupakan sejenis air (*Eau So **Fresh*** atau オーソー フレッシュ *ō sō **Furesshu***) yang memberi kesegaran kepada pengguna.

Di samping itu, dalam rangkap W-FEB-R23 pula, フレッシュ *Furesshu* (segar) didapati dalam ungkapan フレッシュ メロン *furesshu meron*, yang membawa makna *fresh melon* atau “tembikai segar”. *Fresh melon* sebenarnya ialah perasa bagi produk pelembap bibir keluaran Maybelline. Kata sifat フレッシュ *Furesshu* (segar) dalam iklan ini bermaksud pelembap bibir dengan rasa buah tembikai yang segar dapat dirasakan apabila disapu pada bibir oleh pengguna.

c) やすい/やすく *Yasui / Yasuku* (senang)

W-DIS-R03

ボビー ブラウン パーティー アイ パレット 肌なじみのよいブランドの6色パレット。質感も4つに分かれていて、組み合わせで絶妙のバランスが実現する。誰でも<u>使いやすい</u>ブラウンのグラデーションなので、みんなが欲しいと飛ぶつきそう！
Bobbi Brown Palet Mata Parti 6-warna palet jenama yang biasa dengan kulit yang baik. Tekstur juga dibahagikan kepada empat, dan dengan kombinasi, keseimbangan yang indah dicapai. Disebabkan ia merupakan penggredan coklat yang <u>mudah untuk digunakan</u> untuk sesiapa sahaja, seolah-olah semua orang mahunya!

W-MAR-R26

ポール&ジョー ブラッシャー スティック

蝶ネクタイにシルクハット姿が可愛すぎるネコちゃんたちの正体は、チークスティック。さらりとした感触で**ぼかし やすく**、ナチュラルな仕上がり。 (右)003・(中央) 002・(左) ベージュパールのハイライトカラー。 001

Paul & Joe
Blusher
Stick

Identiti kucing memakai topi sutera dan tali leher yang terlalu comel, adalah *cheek stick*. Dengan rasa tanpa agak-agak, **mudah** untuk disapu (pada bibir), dengan (kelihatan) semulajadi. (Kanan) 003 • (tengah) 002 •. Warna *Beige Pearl* yang menyerlah. (kiri) 001

W-MAR-R29

メイベリン
ピュアミネラル
バーチャルイレイサー

ささっと 均一に**塗り やすい**アプリーケーター一体型のミネラルリキッドファンデーション。細かい起毛が肌表面の凹凸に入り込んで、必要最小限の薄づきでしっかりカバー。 S P F 27・PA+++。 0C2

Maybelline
Pure Mineral
Virtual Eraser

Mineral Liquid Foundation integral applicator **mudah** disapukan dengan seragam. Berus halus untuk memasuki ketidakrataan di permukaan kulit, tutup dengan ketat dengan kenipisan minimum yang diperlukan.SPF27 • PA + + +. 0C2

Istilah adjektif **やすい/やすく Yasui / Yasuku** (senang) digunakan dalam 3 rangkap iklan produk kecantikan yakni **使いやすい tsukai yasui** dalam rangkap W-DIS-R03, **ぼかし やすく bokashi yasuku** dalam rangkap W-MAR-R26, dan **塗り やすい nuri yasui** dari rangkap W-MAR-29.

Biasanya, **やすい/やすく Yasui / Yasuku** (mudah/ senang) sering digunakan bersama dengan kata kerja dan biasanya diikuti selepas kata kerja itu dengan memberikan maksud “senang melakukan sesuatu perbuatan”. Misalnya,

使いやすい tsukai yasui → *easy to use* atau “**mudah** digunakan”

ぼかしやすく *bokashi yasuku* → *easy to shade off* atau “**mudah** untuk melorek”

塗りやすい *nuri yasui* → *easy to apply* atau “**mudah** untuk menyapu (pada pipi)”

Ini telah menunjukkan pengguna juga mementingkan cara yang mudah dan senang ketika menggunakan produk kecantikan yang baru sehingga penerbit majalah memilih dan menggunakan istilah やすい/やすく *Yasui / Yasuku* (senang) dalam penerangan produk kecantikan baru.

Melalui contoh-contoh tersebut, didapati kata sifat yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi pembaca wanita akan digunakan dalam iklan produk kecantikan baru secara berulang. Pengulangan kata sifat yang masih popular dalam iklan produk kecantikan wanita sejak dulu masih dijadikan strategi oleh penerbit majalah fesyen wanita demi mencapai tujuan mendapat sambutan yang memuaskan dalam jualan produk pengiklan.

4.1.2 Kekerapan Kata Sifat dalam Majalah Fesyen Lelaki Jepun, *Men's Non-no*

Senarai kata sifat daripada teks pengenalan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no* disenaraikan dan disusun mengikut frekuensi dalam Jadual 4.3 kecuali kata adjektif yang hanya muncul 1 kali dalam iklan produk kecantikan baru.

Jadual 4.3: Kata Sifat yang Mempunyai Kekerapan,(f) Lebih Daripada Satu dan Makna-maknanya bagi Majalah Fesyen Lelaki Jepun, *Men's Non-no*

Bil.	Kata Sifat	Sebutan	Makna Kata Sifat	f
1	オーガニック	<i>Ōganikku</i>	organik	6
2	高/ 高い	<i>Taka/ Takai</i>	tinggi	6
3	保湿	<i>Hoshitsu</i>	kekal lembap	5
4	やすい	<i>Yasui</i>	mudah/ murah	4
5	よい/よく	<i>Yoi / Yoku</i>	baik	3
6	人気	<i>Ninki</i>	terkenal/ popular	2
7	温める/ 温かみ	<i>Atatameru / Atatakami</i>	hangat/ panas/ suam	2
8	ベスト	<i>Besuto</i>	terbaik	2
9	ブラウン	<i>Buraun</i>	perang/ coklat	2
10	ブルー	<i>Burū</i>	biru	2
11	限定	<i>Gentei</i>	terhad	2
12	ホワイト	<i>Howaito</i>	putih	2
13	いい	<i>Ī</i>	baik	2
14	オリジナル	<i>Orijinaru</i>	asal/asli	2
15	さわやか	<i>Sawayaka</i>	menyegarkan	2
16	自然	<i>Shizen</i>	semulajadi	2
17	好き	<i>Suki</i>	suka/ gemar	2
18	全	<i>Zen</i>	seluruh	2

Jadual 4.3 telah mencatatkan kekerapan kata-kata adjektif yang ditonjolkan sekurang-kurangnya 2 kali dalam 22 rangkap teks pengenalan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no*. Daripada 84 patah kata sifat yang dikumpul, terdapat 18 kata sifat yang mempunyai frekuensi yang melebihi 2 kali sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Data dalam Jadual 4.3 telah memaparkan bahawa kata adjektif オーガニック *Ōganikku* atau “organik” dan istilah “tinggi” (高/ 高い *Taka/ Takai*) merupakan kata adjektif yang paling banyak iaitu 6 kali digunakan dalam teks-teks yang dikaji. Kata sifat 保湿 *Hoshitsu* dengan makna “kekal lembap” pula mencapai kekerapan 5 kali dan diikuti dengan istilah adjektif “mudah/ murah” (やすい *yasui*) dan よい/よく *Yoi / Yoku* (baik) yang masing-masing mendapat kekerapan 4 kali dan 3 kali.

Sehubungan itu, didapati ada lagi 13 istilah adjektif yang diulangi 2 kali dalam data kajian seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.3. Sebanyak 22 rangkap teks pengenalan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen Jepun, *Men's Non-no* juga menyumbang 66 kata sifat yang lain di samping kata-kata sifat yang tertera dalam Jadual 4.3. Senarai yang lengkap boleh dirujuk pada Jadual L1 di halaman Apendiks C.

Hasil dapatan analisis data bagi majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no* juga menunjukkan fenomena yang sama seperti penggunaan kata adjektif yang paling kerap bagi majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no*. Didapati sejumlah 5 istilah kata sifat atau hampir 28% daripada 18 kata sifat dalam Jadual 4.3 menepati 4 istilah kata adjektif dalam senarai yang disarankan oleh Leech (1966). Jadual 4.4 meliputi kata-kata adjektif yang sepadan dengan senarai Leech (1996).

Jadual 4.4: Persamaan Penggunaan Kata-kata Sifat dalam Majalah Fesyen Lelaki Jepun, *Men's Non-no* dan Senarai Kata Adjektif Leech (1966)

	Leech (1966)	<i>Non-no</i>
1	<i>Best</i> (terbaik)	ベスト <i>Besuto</i> (terbaik)
2	<i>Fresh</i> (segar)	さわやか <i>Sawayaka</i> (segar)
3	<i>Easy</i> (senang)	やすい <i>Yasui</i> (senang)
4	<i>Good</i> (baik)	いい <i>Ī</i> (baik)
		よい/よく <i>Yoi/Yoku</i> (baik)

Jadual 4.4 menyenaraikan kata-kata sifat yang menepati dengan kata sifat daripada dapatan Leech (1966), sejumlah 5 istilah sifat bahasa Jepun yang masih gemar dipilih

dan digunakan oleh pihak media massa terutamanya pihak penerbit majalah dalam konteks ini. Contoh-contoh berikut merupakan penggunaan kata sifat dalam iklan majalah kajian.

a) ベスト *Besuto* (terbaik)

L-JAN-R10

クラランス メン <u>メン ベストセクション</u> コフレ 保湿、エネルギーチャージ、たるみケアの3つの美容液からひとつを選ぶ、その他洗顔やスクラブなど男子コスメの<u>ベストセラー</u>ばかりを集めた限定セット。オリジナルのバッグも付属。 <i>Clarins Men</i> <u><i>Men Best Selection</i></u> <i>Coffret</i> Set koleksi terhad daripada <u>kosmetik lelaki terbaik</u> dalam jualan atau terlaris bagi pembersihan lain dan scrub serta satu pilihan daripada 3 pati kecantikan yang melembapkan, mencaj tenaga dan penjagaan kendur. Juga dilengkapi dengan beg asal.
--

Kata sifat ベスト *Besuto* (terbaik) berfrekuensi 2 kali dalam rangkap yang sama iaitu L-JAN-R10. Istilah adjektif ベスト *Besuto* (terbaik) merujuk kepada sesuatu yang terbaik dalam iklan produk kecantikan baru lelaki sebagaimana yang dikesani dalam tajuk iklan メン ベストセクション *Men **Besuto** Serekushon* yang bermaksud *Men **Best** Selection* atau “Pemilihan **Terbaik** bagi Lelaki”. Frasa lain yang mengandungi kata sifat yang sama ialah 男子コスメのベストセラー *danshikosumenobesuto*serā yang bersemantik *men's cosmetics **best** sellers* atau “koleksi **terbaik** dalam jualan atau terlaris kosmetik lelaki”.

ベスト *Besuto* (terbaik) dalam “**Best** Selection atau Pemilihan **Terbaik**” dan “**best** sellers atau koleksi terlaris” memberi gambaran kepada para pembaca bahawa produk

kecantikan yang diiklankan merupakan produk yang terbaik kerana dijual dengan paling laris. Dengan ini, pembaca juga memperoleh maklumat bahawa produk berkenaan telah dijual di pasaran sejak baru-baru ini dan mendapat sambutan yang “terbaik”.

b) さわやか *Sawayaka* (segar)

L-DIS-R03

SINN トース ペースト SE デリケートな口腔内を、虫歯になりにくい 弱アルカリ性のに保つというオーガニックの歯磨きジェル。赤ちゃんも使えるというやさしい処方で、肌や粘膜が敏感に傾きやすいタイプでも使いやすい。ミントの香りが<u>さわやか</u>。「ご覧のとおり“唇王子”なので歯も大切にしようと思います」(MASAH)。
<i>SINN</i> <i>Tooth Paste SE</i> Gel ubat gigi organik yang melindungi sensitivity rongga mulut dengan alkali yang lemah yang membantu sukar untuk mendapat kerosakan gigi. Penggubalan measra bayi mudah digunakan dan lebih senang untuk kulit atau jenis membrane mucus yang mudah sensitif. <u>Aroma pudina menyegarkan</u>.「Seperti yang anda boleh lihat (saya ialah) "Prince lips", saya akan melakukan penjagaan gigi yang baik」(MASAH)

L-JAN-R08

ジッポー オリジナル オードトワレ スプレー ZIPPO のライターをかたどったフレグランスにカラーバリエーションが加わった。シルバー、ブルーのほかビビッドな ピンクなども。ベルガモットなど柑橘の<u>さわやかな</u>香りはカジュアルのシーンで活躍。
<i>Zippo</i> <i>Original Eau de Toilette</i> <i>Spray</i> Variasi warna digunakan untuk bentuk pewangi bagi pemetik api ZIPPO. Merah jambu yang lain-lain serta perak dan biru. <u>Aroma citrus seperti bergamot yang menyegarkan</u> sering digunakan di tempat kasual.

Teks iklan pengenalan produk kecantikan baru lelaki juga didapati mempunyai kata sifat yang bermaksud “segar” yakni さわやか *Sawayaka*. Dalam rangkap L-DIS-RO3 dan L-JAN-R08, ia dikaitkan dengan produk penyembur badan dengan bau yang memberi kesegaran.

Sebagai contoh, makna bagi frasa ミントの香りがさわやか *Minto no kaori ga sawayaka* ialah refreshing *scent of mint* atau “aroma pudina yang menyegarkan”. Sementara itu, 柑橘のさわやかな香り *kankitsu no sawayaka na kaori* pula diterangkan sebagai a refreshing *scent of citrus* atau “aroma limau yang menyegarkan”.

Penggunaan kata sifat さわやか *Sawayaka* (segar) dalam iklan dipercayai akan mendapat kegemaran pembaca lelaki sebab bau atau wangian pudina dan limau yang segar dapat menghilangkan bau badan yang tidak disenangi terutamanya bagi golongan lelaki yang aktif.

c) やすい *Yasui* (senang)

L-DIS-R03

SINN トース ペースト SE デリケートな口腔内を、虫歯になりにくい 弱アルカリ性ののに保つというオーガニックの歯磨きジェル。赤ちゃんも使えるというやさしい処方で、<u>肌や粘膜が敏感に傾きやすいタイプでも使いやすい</u>。ミントの香りがさわやか。「ご覧のとおり“唇王子”なので歯も大切にしようと思います」(MASAH)。
<i>SINN</i> <i>Tooth Paste SE</i> Gel ubat gigi organik yang melindungi rasa sensitif rongga mulut dengan alkali yang lemah yang membantu sukar untuk mendapat kerosakan gigi. Penggubalan mesra bayi <u>mudah</u> digunakan untuk kulit atau jenis membran mucus yang <u>mudah</u> sensitif.

Aroma pudina menyegarkan. 「Seperti yang anda boleh lihat (saya ialah) "*Prince lips*", saya akan melakukan penjagaan gigi yang baik」 (MASAH)

L-FEB-R13

シャネル
ブルー ドゥ シャネル
トラベル スpray

昨年発売し人気を博したメンズフレグランスに、携帯しやすいトラベルサイズが。親切なレフィル2本付きがうれしい。「この深さのある香りが好き。絶妙なブルーブラックのボトルがさすがだね」 MASAH

Chanel
Blue de Chanel
Travel Spray

Wangian lelaki popular yang dikeluarkan pada tahun lepas, mudah untuk dibawa dengan *travel size*. Gembira dengan 2 isian semula yang mesra. 「Gemar akan bau yang mendalam ini. Benar-benar botol biru-hitam yang indah」 MASAH

L-MAR-R17

キールズ
ミッドナイト アイ

植物エキスをふんだんに配合した目もと用美容液。寝不足などでドンよりクマが現れたら、これで印象アップを狙え！「男子でも使いやすい伸びのいいテクスチャー。つけた瞬間に目もとがシャキッとしよう！」 SUGI

Kiehl's
Midnight Eye

Intipati kecantikan yang digubal untuk mata dicampurkan dengan ekstrak tumbuhan yang banyak. Mata beruang yang pudar muncul Kerala kekurangan tidur ialah matlamat 9 produk ini) untuk meningkatkan impresi. 「Tekstur yang baik dan mudah sapu mudah digunakan walaupun bagi lelaki. Mata menjadi bersemangat sebaik sahaja anda menggunakannya」 SUGI

Selain itu, istilah adjektif やすい *Yasui* (mudah) juga berperanan yang sama dengan kata sifat やすい/やすく *Yasui / yasuku* (mudah) yang merupakan contoh berkenaan dengan iklan produk kecantikan baru wanita.

やすい *Yasui* (mudah) dalam teks pengenalan produk kecantikan baru lelaki juga muncul selepas kata kerja seperti yang berikut.

敏感に傾きやすい *binkan ni katamuki yasui*

→ easy to tilt to sensitive atau “mudah untuk mencondong ke sensitif”

使いやすい *tsukai yasui*

→ easy to use atau “mudah untuk menggunakan”

携帯しやすい *keitai shi yasui*

→ easy to carry atau “mudah untuk dibawa”

Oleh kerana kemudahan dan kesenangan untuk menggunakan sesuatu produk kecantikan juga menjadi pertimbangan bagi pengguna lelaki, maka pengiklan majalah tidak mengabaikan penggunaan kata adjektif yang setimpal untuk menyakinkan pembaca tentang kesenangan untuk menggunakan produk baru mereka. Contohnya,

肌や粘膜が敏感に傾きやすいタイプでも使いやすい

hada ya nenmaku ga binkan ni katamuki yasui taipu demo tsukai yasui

(kulit atau membran mukus yang mudah sensitif pun mudah digunakan)

Penggunaan “mudah” digunakan dalam frasa tersebut dapat berjaya menarik hati kaum lelaki yang berkulit atau membran mukus yang sensitif. Secara tidak langsung, produk kecantikan tersebut telah disifatkan sebagai produk yang sesuai bagi semua lelaki termasuk kulit biasa dan sensitif.

Pengulangan kata sifat dengan tepat dan sesuai dapat melahirkan keyakinan para pembaca lelaki yang suka akan kesenangan selain daripada jaminan tiada kesan

sampingan. Pemilihan kata-kata sifat ベスト *Besuto* (terbaik), いい *I* (baik), atau よい/よく *Yoi/ yoku* (baik) masih gemar oleh pihak media massa sejak 1966 dapat membuktikan bahawa istilah-istilah tersebut masih berpengaruh besar terhadap keputusan pembaca sebelum pembelian produk kecantikan baru.

4.2 Persamaan dan Perbezaan Kata-kata Sifat dalam Majalah Fesyen Jepun

Non-no dan Men's Non-no

Bahagian kedua dalam bab ini ialah peninjauan data dari sudut persamaan dan perbezaan dalam pemilihan dan penggunaan kata adjektif antara gender dalam teks pengenalan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen *Non-no* dengan majalah fesyen *Men's Non-no*. Seterusnya, kata-kata sifat dibahagikan dalam 3 golongan iaitu neutral, feminin, dan maskulin dengan membandingkan semua data daripada dua jenis majalah kajian. Kata-kata adjektif yang sama dikategorikan sebagai kata-kata sifat yang neutral manakala kata-kata adjektif yang berbeza digolongkan dalam dua kategori iaitu kategori feminin dan kategori maskulin. Kategori feminin merangkumi kata-kata sifat yang hanya muncul dalam majalah fesyen Jepun, *Non-no* dan kategori maskulin pula merupakan kata-kata sifat yang hanya tertera dalam majalah fesyen Jepun, *Men's Non-no*.

Selain daripada kekerapan (f), peratusan juga dicatat untuk dijadikan sebagai data sokongan dalam pengupasan dapatan kajian. Hasil dapatan kajian-kajian lepas akan menjadi rujukan dalam bahagian perbincangan tentang pemilihan kata adjektif antara gender dalam iklan-iklan produk kecantikan dalam majalah fesyen wanita dan majalah fesyen lelaki dari Jepun.

4.2.1 Persamaan Kata-kata Sifat dalam Majalah Fesyen Jepun *Non-no* dan *MEN'S NON-NO*

Sebanyak 135 kata sifat daripada majalah fesyen Jepun wanita, *Non-no* dibandingkan dengan 84 kata sifat yang dikumpulkan daripada majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no*. Istilah-istilah adjektif yang sama yang dikesan daripada dua jenis majalah kajian dikategorikan sebagai kata sifat neutral seperti Jadual 4.5.

Jadual 4.5: Kata-kata sifat yang Sama atau Neutral dalam Majalah Fesyen Wanita Jepun, *Non-no* dan Majalah Fesyen Lelaki Jepun, *Men's Non-no*

Bil.	Kata Sifat	Sebutan	Makna	(f) wanita	(f) lelaki
1	ブラウン	<i>Buraun</i>	perang/coklat	4	2
2	ふんわり	<i>Funwari</i>	kembang/berbulu	2	1
3	フレッシュな	<i>Furesshuna</i>	segar	2	1
4	古い	<i>Furui</i>	lama	1	1
5	限定	<i>Gentei</i>	terhad	10	2
6	ホワイト	<i>Howaito</i>	putih	1	2
7	いい	<i>Ī</i>	baik	2	2
8	ジューシーな	<i>Jūshī na</i>	berjus	2	1
9	軽い	<i>Karui</i>	ringan	1	1
10	ミニ	<i>Mini</i>	mini	5	1
11	なじみ	<i>Najimi</i>	biasa/ akrab	4	1
12	なめらかに	<i>Nameraka ni</i>	lancar/licin	2	1
13	人気	<i>Ninki</i>	terkenal/ popular	3	2
14	多い/ 多く	<i>Ōi/ Ōku</i>	banyak	3	1
15	ピンク	<i>pinku</i>	merah jambu	5	1
16	最小限	<i>Saishōgen</i>	minimum	1	1
17	しっかり	<i>Shikkari</i>	ketat	1	1
18	しっとり	<i>Shittori</i>	lembap	2	1
19	自然	<i>Shizen</i>	semulajadi	1	2
20	すべて	<i>Subete</i>	seluruh	2	1
21	好き	<i>Suki</i>	suka/gemar	2	1
22	スパイシー	<i>Supaishī</i>	pedas	1	1
23	うれしい	<i>Ureshī</i>	gembira	2	1
24	やさしい/ 優しく	<i>Yasashī</i>	mudah	2	1
25	やすい	<i>Yasui</i>	mudah	3	4
26	よい/ よく	<i>Yoi</i>	baik	2	3
27	贅沢	<i>Zeitaku</i>	mewah	1	1

Jadual 4.5 telah memaparkan terdapat 27 kata sifat neutral setelah perbandingan dijalankan dengan senarai-senarai kata sifat Jadual W1 dan Jadual L1 di bahagian Apendiks C.

Hanya 25.9% atau 7 istilah yang telah dihitamkan dalam bentuk *bold* dalam Jadual 4.5 memiliki kekerapan yang sama bagi kedua-dua jenis majalah kajian. Kata-kata sifat yang paling neutral dengan 1 kali frekuensi masing-masing bagi majalah wanita dan majalah lelaki merangkumi 古い *Furui* (lama), 軽い *Karui* (ringan), 最小限 *Saishōgen* (minimum), しっかり *Shikkari* (ketat), スパイシー *Supaishī* (pedas), dan 贅沢 *Zeitaku* (mewah). Satu lagi kata sifat neutral dengan kekerapannya 2 kali dalam kedua-dua jenis majalah kajian ialah いい *Ī* yang bermakna ‘baik’.

Beberapa contoh yang berikut ditinjau dan dikupas bagi menunjukkan penggunaan kata sifat paling neutral oleh pengiklan dalam majalah fesyen wanita dan lelaki.

a) 古い *Furui* (lama)

W-FEB-R17

ハウス オブ ローゼ (右) ボディソープ FB (左) ボディ スムーザーFB (右) ふんわり 軽い泡立ちで、フルーティーな おいしい香り♡ (下) 優しくマッサージするだけで <u>古い角質</u> を取り除き、ボディをつるつるすべすべに。
<i>House of Rose</i> <i>Body Soap FB (right)</i> <i>Body Smoother FB (left)</i> (kanan) Dalam buih ringan dan berkembang, ♡ (suka) wangian buah yang lazat (bawah) Membuang <u>sel-sel kulit lama</u> dengan hanya mengurut secaralembut, badan menjadi halus dan licin.

L-MAR-R18

ベアミネラル
ピューリファイング
フォームクレンザー

カルシウム、マグネシウムなど体に必要なミネラル成分を配合したスキンケアシリーズ。泡タイプの洗顔料は、古い角質もしっかりオフ。「僕はミネラル(鉱物)が大好き。頭まで洗っちゃうかも」MASAH

*BareMinerals
Purifying
Foam Cleanser*

Siri Penjagaan Kulit dirumuskan dengan mineral yang diperlukan oleh badan seperti kalsium dan magnesium. Pembersih jenis buih adalah untuk menghapuskan sel-sel kulit lama dengan tegas. 「Saya sangat sukan mineral. Mungkin boleh mencusi sehingga ke kepala」MASAH

Daripada rangkap W-FEB-R17 dan L-MAR-R18, didapati kata adjektif 古い *Furui* (lama) digunakan dalam konteks yang serupa dalam majalah fesyen wanita dan lelaki. Kata sifat ini muncul hanya dalam ungkapan 古い角質 *furui kakushitsu* yang semantiknya ialah *dead skin cells* atau “sel-sel kulit lama/mati”.

Istilah adjektif “lama” diaplikasikan dalam teks pengenalan produk untuk menekankan kepentingan menggunakan produk kecantikan baru yang boleh membuang sel-sel kulit lama dalam kalangan pembaca wanita dan lelaki.

b) いい *I* (baik)

W-DIS-R05

エスティ ローダー
ファンデーション セット

好きなファンデーションを選んで作るコフレ。大人気のスペシャルな夜用美容液に加え、肌映りのいいリップスティックとマスカラを、ネイビーのシックなポーチにイン。美肌輝く オトナの女性に変身！

*Estee Lauder
Foundation Set*

Coffret dengan *foundation* kegemaran yang anda pilih. Ditambah dengan losyen malam yang sangat popular dan istimewa, gincu yang berpantulan baik, serta maskara dalam *porch navy* yang bergaya. Berubah menjadi seorang wanita matang dengan kulit yang cantik berseri!

W-MAR-R25

レブロン
カラスティ アイシャドウ

肌なじみのいいブラウン系のグラデアイを 16 時間もキープできる。フィット感抜群のパレット。きちんとした印象をつくるベージュニュアンスの 575(右)と、今年っぽいキュートな ピンクニュアンスの 505(左)。即戦力間違いなし！

Revlon
Colour Stay Eye Shadow

Juga boleh mengekal baik selama 16 jam bagi penggedan coklat bagi adaptasi kulit yang baik. Palet yang layak cemerlang. (Kanan) 575 nuansa *beige* membuat tanggapan yang baik, dan (kiri) 505 nuansa merah jambu comel seperti untuk (trend) tahun ini. Tiada keraguan untuk gunanya!

L-FEB-R11

ギノーオム
フェイシャル
スクラブジェル

フランスの大手エステブランドのメンズラインが日本上陸。男性らしく香りも外資系 ならでは。「僕も角質ケアのためスクラブは週 2 回やってます。適度な粒の粗さと、のびのよいテクスチャーがいいですね」 SUGI

GUINOT Homme
Facial
Scrub Gel

Produk lelaki jenama kecantikan terkemuka Perancis mendarat di Jepun. Wangian lelaki juga nampaknya unik keasingan. 「Saya juga menggunakan scrub untuk penjagaan keratin dua kali seminggu. Dengan bijian yang sederhana, saya berasa adalah tekstur baik yang senang disapu」 SUGI

L-MAR-R17

キールズ
ミッドナイト アイ

植物エキスをふんだんに配合した目もと用美容液。寝不足などでドンよりクマが現れたら、これで印象アップを狙え！「男子でも使いやすい伸びのいいテクスチャー。つけた瞬間に目もとがシャキッとしそう！」 SUGI

Kiehl's

Midnight Eye

Intipati kecantikan yang digubal untuk mata dicampurkan dengan ekstrak tumbuhan yang banyak. Mata beruang yang pudar muncul Kerala kekurangan tidur ialah matlamat 9 produk ini) untuk meningkatkan impresi. 「tekstur kembangan (sapuan pada pipi) yang **baik** dan senang digunakan walaupun bagi lelaki. Mata menjadi bersemangat sebaik sahaja anda menggunakannya」 SUGI

いい *I* (baik) menunjukkan kekerapan yang sama iaitu 2 kali dalam senarai kata sifat bagi majalah wanita dan majalah lelaki. Namun begitu, rangkap-rangkap yang dipetik di atas menonjolkan penggunaan いい *I* (baik) dalam iklan produk kecantikan wanita agak berbeza dengan penggunaannya dalam teks pengenalan produk kecantikan lelaki.

Penggunaan いい *I* (baik) dalam rangkap W-DIS-R05 dan W-MAR-R25 adalah lebih mementingkan kesempurnaan dan kualiti kulit melalui penggunaan produk kecantikan yang diiklankan dalam majalah fesyen wanita. Yakni,

肌映りのいい *hada utsuri no i* → **good** *skin reflection* atau “pantulan kulit yang **baik**”

肌なじみのいい *hada najimi no i* → **good** *skin adaptation* atau “adaptasi kulit yang **baik**”

Manakala, kata sifat いい *I* (baik) dalam L-FEB-R11 dan L-MAR-R17 dalam bahasa iklan telah memberi gambaran bahawa produk kecantikan lelaki mengutamakan tekstur yang baik untuk penggunaan pembaca daripada golongan lelaki.

テクスチャーがいい *tekusuchā ga i* → *texture is* **good** atau “tekstur yang **baik**”

伸びのいいテクスチャー *nobi no ī tekusuchā* → good growth texture atau “tekstur kembangan (sapuan pada pipi) yang baik”

Walaupun kata adjektif いい *ī* (baik) gemar menjadi pilihan dalam penerangan produk kecantikan baru dalam kedua-dua jenis majalah, tetapi keutamaan yang ditekankan oleh penerbit dan pengiklan majalah adalah berlainan antara gender. Kata sifat ‘baik’ digunakan dalam aspek kulit di majalah wanita sementara itu ia diaplikasikan dalam topik tekstur di majalah lelaki.

c) スパイシー *Supaishī* (pedas)

W-JAN-R11

オリジンズ ジンジャー トリオ <u>スパイシー</u>な香りのジンジャーコレクションのボディスクラブ 100ml、日本未発売のバブルバス 225ml、ボディクリーム 125ml とたっぷり使えるサイズがうれしい。体の芯からじんわり温まる ハッピーなバスタイムに。 <i>Origins Ginger Trio</i> Gembira bahawa banyak saiz boleh digunakan bagi 100ml <i>Body Scrub</i> koleksi <u>aroma pedas</u>, <i>Japan unreleased Bubble Bath</i> 225ml, dan Krim Badan 125ml. Masa mandi gembira bagi memanaskan badan secara beransur-ansur dari teras badan.

L-MAR-R19

シーケーワン ショック オードトワレ for him <u>スパイシー</u>ベースに、ジューシーなクレメンタインという柑橘の香りを忍ばせて。ペアフレグランスなので彼女と一緒に使うのも◎。「初香水はカルバン・クラインのエタニティ。思い出がいっぱい」MASAH <i>CK One Shock Eau de Toilette for him</i> Aroma citrus Clementine berjus menyembunyikan <u>asas yang ‘mengejutkan’</u>. Disebabkan ia adalah wangian pasangan, adalah wajar juga guna bersama teman

wanita. 「Eternity ialah minyak wangi pertama Calvin Klein. Penuh dengan kenangan」
MASAH

Kata sifat スパイシー *Supaishī* (pedas) yang diperoleh dari dapatan data telah memberi mesej yang jelas tentang kelainan penggunaan kata sifat tersebut. Penerbit majalah memilih kata sifat yang dapat melambangkan beberapa makna yang berlainan untuk meningkatkan minat dan imaginasi pembaca terhadap sumbangan produk yang diiklan.

Dalam W-JAN-R11, スパイシーな香り *Supaishīna kaori* yang bermaksud *spicy* *aroma* atau “aroma pedas” memang merujuk kepada makna “pedas”. Manakala スパイシーベース *Supaishībēsu* yang maknanya *The spicy base* atau “asas yang ‘mengejutkan’” pula menuju kepada semantik yang berkenaan dengan perasaan dan bukannya seperti maksud pancaindera yang berkaitan dengan deria bau dan rasa.

d) 贅沢 *Zeitaku* (mewah)

W-JAN-R13

SABON

クリスマスボックス 2011

ボディスクラブボディスクラブ S サイズ、ボディローション 50ml、ソープホワイト、バスオイルバー、すべてこのコフレだけで手に入るスペシャルアイテムが詰まったレアセット。贅沢な香りとなめらか肌をぜひ体感して。

SABON

Christmas Box 2011

Set yang jarang ada dipenuhi dengan *Body Scrub Scrub S saiz*, Losyen Badan 50ml, sabun putih, bar minyak mandi, semua barangan khas yang hanya didapati dalam *coffret* ini. Datang untuk mengalami wangian mewah dan kulit licin.

L-JAN-R06

ロクシタン

シア ハンドクリーム

コレクターデザイン

シアバターを贅沢に配合した男子にも人気のこっくり保湿ハンドクリームから限定パッケージが登場。アフリカの民族衣装からインスパイアされた幾何学模様を施したボトルがクール。

L'Occitane

Shea Hand Cream

Collector Design

Pakej terhad muncul bagi krim pelembap tangan yang diformulasi dengan mentega shea secara borosnya (dengan banyaknya) dan popular dalam kalangan lelaki. Corak geometri pada botol yang diinspirasi oleh pakaian kaum Afrika adalah bergaya.

Penggunaan kata adjektif 贅沢 *Zeitaku* (mewah) dalam rangkap W-JAN-R13 dan L-JAN-R06 juga menunjukkan perbezaan dari aspek semantikanya.

Istilah 贅沢 *Zeitaku* dalam ungkapan 贅沢な香り *Zeitakuna kaori* adalah dijelaskan sebagai the *luxury fragrance* atau “wangian **mewah**” setelah menggunakan produk yang diiklan. Maksud ‘mewah’ dalam konteks ini sesuai untuk mendapat perhatian pembaca wanita yang menitikberatkan kualiti wangian.

Sedangkan makna kata sifat 贅沢 *Zeitaku* dalam frasa シアバターを贅沢に配合した *Shiabatā o zeitaku ni haigō shita* ialah *blended lavishly with shea butter* atau “dicampur dengan mentega shea secara borosnya (dengan banyaknya)”.

Penerangan 贅沢 *Zeitaku* sebagai *lavishly* atau “secara borosnya (dengan banyaknya)” telah menyatakan produk tersebut menggunakan bahan yang baik untuk kecantikan dengan amaun yang banyak supaya pengguna produk tersebut mendapat manfaat yang dijangka. Kata sifat 贅沢 *Zeitaku* yang diaplikasikan dengan makna *lavishly* atau “secara borosnya” dapat mendapat tumpuan daripada pembaca yang gemar akan tahap kejujuran pengeluar produk kecantikan.

Antara 27 kata adjektif dari Jadual 4.5, terdapat 20 kata sifat (74.1%) bukan kata sifat neutral sepenuhnya. Kata sifat yang tidak neutral sepenuhnya telah digolongkan sebagai kata sifat neutral berkecenderungan feminin dan kata sifat neutral berkecenderungan maskulin dalam Jadual 4.6 dan Jadual 4.7.

Jadual 4.6: Contoh Kata-kata Sifat “Neutral” yang Berkecenderungan Feminin dalam Majalah Fesyen Wanita Jepun, *Non-no* dan Majalah Fesyen Lelaki Jepun, *Men's Non-no*

Kata Sifat	Sebutan	Makna	(f) wanita	(f) lelaki
ブラウン	<i>Buraun</i>	perang/coklat	5	2
限定	<i>Gentei</i>	terhad	10	2
ミニ	<i>Mini</i>	mini	5	1
なじみ	<i>Najimi</i>	biasa/ akrab	4	1
ピンク	<i>Pinku</i>	merah jambu	5	1

Jadual 4.6 menunjukkan beberapa contoh kata sifat neutral yang lebih menjurus ke arah femininiti kerana data telah memaparkan kata-kata adjektif tersebut lebih kerap muncul dalam majalah fesyen wanita. Penggunaan kata sifat ブラウン *Buraun* (perang/coklat) dan ピンク *pinku* (merah jambu) ditelitikan dengan ekstrak-ekstrak yang relevan.

a) ブラウン *Buraun* (perang/coklat)

W-DIS-R03

ボビー ブラウン パーティー アイ パレット 肌なじみのよいブランドの6色パレット。質感も4つに分かれていて、組み合わせで絶妙のバランスが実現する。誰でも使いやすい<u>ブラウン</u>のグラデーションなので、みんなが欲しいと飛ぶつきそう！
Bobbi Brown Palet Mata Parti 6-warna palet jenama yang biasa dengan kulit yang baik. Tekstur juga dibahagikan kepada empat, dan dengan kombinasi, keseimbangan yang indah dicapai. Disebabkan ia merupakan <u>penggredan coklat</u> yang mudah untuk digunakan

untuk sesiapa sahaja, seolah-olah semua orang mahunya!

W-FEB-R20

ヘレナ ルビンスタイン
ウォンテッド
アイズパレット 16

限定 新色「エクスウイジット ブロッサム」は優しく 透明感あるピンクグラデと**ブラウン**のパレット。抜け感があるフェミニンな目元はまさにこの春の旬。

*Helena Rubinstein
Wanted
Eyes Palette 16*

Palette dengan warna baru yang terhad, 「Ui eksport komposit Blossom」 ialah penggredan merah jambu yang telus lembut dan **coklat**. Terdapat rasa keciciran bagi mata feminin adalah tepat pada musim bunga ini.

W-MAR-R25

レブロン
カラーステイ アイシャドウ

肌なじみのいい**ブラウン**系のグラデアイを 16 時間もキープできる。フィット感抜群のパレット。きちんとした印象をつくるベージュニュアンスの 575(右)と、今年っぽいキュートな ピンクニュアンスの 505(左)。即戦力間違いなし!

*Revlon
Colour Stay Eye Shadow*

Juga boleh mengekal baik selama 16 jam bagi penggredan **coklat** bagi adaptasi kulit yang baik. Palet yang layak cemerlang. (Kanan) 575 nuansa *beige* membuat tanggapan yang baik, dan (kiri) 505 nuansa merah jambu comel seperti untuk (trend) tahun ini. Tiada keraguan untuk gunanya!

W-MAR-R27

RMK
スプリングリング
チークス

左のベースカラーの上に、右のパウダーを重ねると、肌に溶け込むようにふんわりと発色。ガーリーな ピンクと、いきいきと ベルシーな オレンジの他、知的なブラウンも。(右) 02・(左) 01

*RMK
Sprinkling
Cheeks*

Dengan bertindihkan warna asa bahagian atas kiri dan bedak di sebelah kanan, (menjadi) warna lembut yang bersepadu dengan kulit. Dengan merah jambu yang girly, oren yang ceri sihat, juga coklat pintar. (Kanan) 02 • (kiri) 01

L-JAN-R07

モルトンブラウン

ホームアンビアンテ

ホワイトマルベリー

高品質とデザイン性の高さに支持を集めるモルトンブラウンのホームフレグランスは、手軽なスプレータイプ。バジルやミモザなどのグリーンの香りをブレンドしたホワイトマルベリーのほか全4種。

Molton Brown

Home Ambiente

White Mulberry

Home fragrance of Molton Brown mengumpul sokongan berkualiti tinggi dan reka bentuk pada tahap tinggi, adalah semburan yang berguna. Semua empat jenis lain adalah mulberi putih dicampur dengan wangian hijau seperti daun selasih dan mimosa.

Kata sifat ブラウン *Buraun* (perang/coklat) muncul dengan kekerapannya 5 kali dalam teks pengenalan produk kecantikan baru wanita manakala ia hanya digunakan 2 kali dalam teks iklan produk kecantikan baru lelaki. ブラウン *Buraun* (perang/coklat) digunakan dalam konteks yang sama iaitu jenama produk kecantikan wanita dan lelaki. Ia bukannya merujuk kepada makna yang menerangkan warna tetapi merupakan jenama sahaja. Misalnya, ボビー ブラウン (*Bobī buraun*) yang bermaksud Bobbi Brown dalam ekstrak W-DIS-R03 dan モルトン ブラウン (*Moruton Buraun*) yang maknanya ialah *Molton Brown* dalam ekstrak L-JAN-R07. Selain itu, fungsi ブラウン *Buraun* yang dijelaskan sebagai warna perang/coklat hanya dikesan dalam majalah fesyen wanita. Antaranya termasuklah ブラウンのグラデーション (*buraun no guradēshon*) dan ブラウン系のグラデアイ (*buraun-kei no guradeai*) yang membawa maksud penggredan coklat. Warna coklat selanjutnya juga dilabelkan sebagai lambangan

kepintaran seperti dalam frasa 知的なブラウン(chitekina ***buraun***) **coklat** pintar.

Maka, wanita yang menggunakan produk kecantikan yang menonjolkan warna coklat pada muka dianggap sebagai wanita yang pintar.

b) ピンク *pinku* (merah jambu)

W-DIS-R04

ルナソル

パーティコフレ 2011

ベージュブラウンのグラデパレット、クリームチーク、リップグロス、フェイスパウダーがファーボーチに入ったとてもお得なコフレ。チーク&グロスは可愛らしいピンクで、何かとイベントの多いこの時期にうれしい華やかさ。

Lunasol

Coffret Parti 2011

Satu tawaran Coffret dengan palet penggredan beige coklat, krim pemerah pipi, pengilat bibir, bedak yang dimasukkan dalam kantung bulu. Pipi & Gloss dengan **merah jambu yang comel**, adalah gembira kegemilangan sepanjang tempoh ini yang banyak acara.

W-FEB-R20

ヘレナ ルビンスタイン

ウォンテッド

アイズパレット 16

限定 新色「エクスウイジット ブロッサム」は優しく 透明感あるピンクグラデとブラウンのパレット。抜け感があるフェミニンな目元はまさにこの春の旬。

Helena Rubinstein

Wanted

Eyes Palette 16

Palette dengan warna baru yang terhad, 「Ui eksport komposit Blossom」 ialah penggredan **merah jambu yang telus lembut** dan coklat. Terdapat rasa keciciran bagi mata feminin adalah tepat pada musim bunga ini.

W-FEB-R23

メイベリン

フルーティ ジェリーN

ジューシーな フルーツの香りと、うるぷる感がたまらない！(右から)チェリーキス 04・シュガーベリー03・ピンク グレープフルーツ 02・フレッシュ メロン 01

Maybelline
Fruity Jerry N

Bau buah-buahan yang berjus dan rasa kelembapan yang tidak tertanggung! (Dari kanan) *Cherry Kiss 04 • Sugar Berry 03 • Pink Grapefruit 02 • Fresh Melon 01*

W-MAR-R25

レブロン
カラスティ アイシャドウ

肌なじみのいいブラウン系のグラデアイを 16 時間もキープできる。フィット感抜群のパレット。きちんとした印象をつくるベージュニュアンスの 575(右)と、今年っぽいキュートなピンクニュアンスの 505(左)。即戦力間違いなし！

Revlon
Colour Stay Eye Shadow

Juga boleh mengekal baik selama 16 jam bagi penggedan coklat bagi adaptasi kulit yang baik. Palet yang layak cemerlang. (Kanan) 575 nuansa *beige* membuat tanggapan yang baik, dan (kiri) 505 nuansa merah jambu comel seperti untuk (trend) tahun ini. Tiada keraguan untuk gunanya!

W-MAR-R27

RMK
スプリングリング
チークス

左のベースカラーの上に、右のパウダーを重ねると、肌に溶け込むようにふんわりと発色。ガーリーなピンクと、いきいきと ベルシーな オレンジの他、知的なブラウンも。(右) 02・(左) 01

RMK
Sprinkling
Cheeks

Dengan bertindihkan warna asa bahagian atas kiri dan bedak di sebelah kanan, (menjadi) warna lembut yang bersepadu dengan kulit. Dengan merah jambu yang girly, oren yang ceri sihat, juga coklat pintar. (Kanan) 02 • (kiri) 01

L-JAN-R08

ジッポー
オリジナル オードトワレ
スプレー

ZIPPO のライターをかたどったフレグランスにカラーバリエーションが加わった。シルバー、ブルーのほかビビッドな ピンク なども。ベルガモットなど柑橘のさわやかな香りはカジュアルのシーンで活躍。

Zippo
Original Eau de Toilette
Spray

Variasi warna digunakan untuk bentuk pewangi bagi pemetik api ZIPPO. Merah jambu yang terang serta perak dan biru. Aroma citrus seperti bergamot yang menyegarkan sering digunakan di tempat kasual.

Di samping itu, kata adjektif ピンク *pinku* (merah jambu) dalam majalah fesyen wanita sering dikaitkan dengan sifat kewanitaan yang lain seperti comel, telus, lembut, dan *girly*. Penggunaan kata sifat merah jambu boleh diteliti dalam ungkapan-ungkapan 可愛らしいピンク *kawairashī pinku* (merah jambu yang comel), 優しく透明感あるピンク *yasashiku tōmei-kan aru pinku* (merah jambu yang telus lembut), キュートなピンクニュアンス *kyūtona pinku nyuansu* (nuansa merah jambu comel), dan ガーリーなピンク *Gārīna pinku* (merah jambu yang *girly*). Seterusnya, ピンク *pinku* (merah jambu) juga dipilih dan digunakan dalam data majalah fesyen lelaki dengan frekuensi 1 kali, yakni ビビッドなピンク *bibiddona pinku* (merah jambu yang terang). Ini menunjukkan bahawa lelaki pada masa kini sudah menerima dan memilih warna merah jambu sebagai warna neutral bagi produk kecantikan mereka umpamanya masyarakat lelaki Jepun.

Situasi yang terbalik juga dapat dikesani di mana kata sifat neutral yang bercenderung kepada sifat kemaskulinan kerana mempunyai kekerapan yang lebih tinggi dalam data kajian majalah fesyen lelaki seperti yang dicatatkan dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7: Contoh Kata-kata Sifat “Neutral” yang Berkecenderungan Maskulin dalam Majalah Fesyen Wanita Jepun, *Non-no* dan Majalah Fesyen Lelaki Jepun, *Men’s Non-no*

Kata Sifat	Sebutan	Makna	(f) wanita	(f) lelaki
ホワイト	<i>Howaito</i>	putih	1	3
自然	<i>Shizen</i>	semulajadi	1	2
やすい	<i>Yasui</i>	mudah	3	4
よい/よく	<i>Yoi</i>	baik	2	3

Contoh penggunaan kata sifat ホワイト *Howaito* (putih) dan 自然 *Shizen* (semulajadi) dapat ditinjau melalui iklan-iklan berikut.

a) ホワイト *Howaito* (putih)

L-JAN-R07

モルトンブラウン
ホームアンビアンテ
ホワイトマルベリー

高品質とデザイン性の高さで支持を集めるモルトンブラウンのホームフレグランスは、手軽なスプレータイプ。バジルやミモザなどのグリーンの香りをブレンドしたホワイトマルベリーのほか全4種。

Molton Brown
Home Ambiente
White Mulberry

Home fragrance of Molton Brown mengumpul sokongan berkualiti tinggi dan reka bentuk pada tahap tinggi, adalah semburan yang berguna. Semua empat jenis lain adalah mulberi putih dicampur dengan wangian hijau seperti daun selasih dan mimosa.

L-JAN-R09

パンゲア オーガニクス
オーガニック
アイクリーム

アメリカから上陸したオーガニックコスメブランド。保湿力の高いダマスクローズ、抗酸化力の高いホワイトティーなど、オーガニックにこだわった植物原料を配合。自然のパワーで疲れた目もとに活を入れる。

Pangea Organics
Organic
Eye Cream

Jenama kosmetik organik berasal dari Amerika. Damask rose yang berkelembapan tinggi dicampurkan dengan teh putih yang berantioksidan tinggi dan bahan tumbuhan berorganik. Dengan menggunakan kuasa alam semulajadi, menyegarkan mata yang letih.

W-JAN-R13

SABON

クリスマスボックス 2011

ボディスクラブ S サイズ、ボディローション 50ml、ソープ ホワイト、バスオイルバー、すべてこのコフレだけで手に入るスペシャルアイテムが詰まったレアセット。贅沢な香りとなめらか肌をぜひ体感して。

SABON

Christmas Box 2011

Set yang jarang ada dipenuhi dengan *Body Scrub Scrub S saiz*, Losyen Badan 50ml, sabun putih, bar minyak mandi, semua barangan khas yang hanya didapati dalam *coffret* ini. Datang untuk mengalami wangian mewah dan kulit licin.

Dalam majalah fesyen lelaki, kata sifat ホワイト *Howaito* (putih) dapat dikesani dalam nama-nama sesuatu bahan semulajadi yang terkandung dalam produk kecantikan lelaki. Sebagai misalan, ホワイトマルベリー *howaitomaruberi* (mulberi putih) dan ホワイトティー *howaitoī* (teh putih) yang merupakan buah-buahan dan tumbuhan yang berwarna putih dicampurkan ke dalam ramuan produk kecantikan lelaki. Manakala kata sifat ホワイト *Howaito* (putih) yang digunakan dalam iklan produk kecantikan wanita merujuk kepada warna produk tersebut iaitu ソープホワイト *sōpuhowaito* yang bermaksud “sabun putih”.

Penggunaan kata sifat “putih” yang berbeza antara gender dalam majalah fesyen telah membuktikan golongan lelaki lebih mementingkan nama atau warna lambangan asal bagi bahan ramuan yang digunakan untuk menghasilkan produk kecantikan. Maka, pengiklan tidak memilih nama umum bahan ramuan produk kecantikan seperti hanya

‘mulberi’ atau ‘teh’ dalam iklan produk. Sebaliknya, golongan wanita lebih menitikberatkan warna fizikal produk kecantikan.

b) 自然 *Shizen* (semulajadi)

L-JAN-R05

SABON ジェントルマン トラベルキット ハンドクリーム、シェービングクリーム、アフターシェービングクリームのミニサイズがセットになった男子用のキット。イスラエル発信のぶらんどならではの <u>自然素材</u> を配合。嫌みのなりシトラス系の香りは好感度高。
<i>SABON Gentleman Travel Kit</i> Kit lelaki set bagi krim tangan bersaiz mini, krim pencukur, krim selepas cukur. Satu jenama unik yang dicampur dengan <u>bahan-bahan semulajadi</u> yang berasal dari Israel. Aroma sitrus menjadi kegemaran tinggi bagi mereka yang bermasalah aroma.

L-JAN-R09

パンゲア オーガニクス オーガニック アイクリーム アメリカから上陸したオーガニックコスメブランド。保湿力の高いダマスクローズ、抗酸化力の高い ホワイトティーなど、オーガニックにこだわった植物原料を配合。 <u>自然のパワー</u> で疲れた目もとに活を入れる。
<i>Pangea Organics Organic Eye Cream</i> Jenama kosmetik rganic berasal dari Amerika. Damask rose yang berkelembapan tinggi dicampurkan dengan teh putih yang berantioksidan tinggi dan bahan tumbuhan berorganik. Dengan menggunakan <u>kuasa alam semulajadi</u>, menyegarkan mata yang letih.

W-FEB-R22

コフレドール (右) スマイルアップチークス (左) ブライトアップルージュ

春の新「コフレドール」はナチュラルでハッピーな素肌をメイク！
 (右) くるくると重ねるだけで頬に自然な血色が。(左)リッチな発色と潤い感。クリーミィリキッド。

Coffret D'or
Smile Up Cheeks (right)
Bright Up Rouge (left)

“Coffret D'or” musim bunga baru menjadikan kulit semula jadi dan ceria!
 (kanan) Kompleksi semula jadi dilapisi di pipi hanya dengan berputar berlapis-lapis
 (kiri) Perasaan warna dan kelembapan yang kaya. Cecair berkrim.

Kata sifat 自然 *Shizen* (semulajadi) dalam iklan majalah fesyen lelaki pula juga memberi gambaran bahawa golongan lelaki lebih mengutamakan keaslian dan kesemulajadian ramuan bagi sesuatu produk kecantikan. Ini disebabkan mereka mempercayai kesan penggunaan produk kecantikan dengan kuasa bahan semulajadi dalam kandungan produk tersebut. Dengan ini, kata sifat 自然 *Shizen* (semulajadi) pun dipilihguna dalam iklan majalah fesyen seperti frasa 自然素材 *shizen sozai* (bahan-bahan semulajadi) dan 自然のパワー *shizen no pawā* (kuasa alam semulajadi). Dalam majalah fesyen wanita pula, kata sifat 自然 *Shizen* (semulajadi) yang didapati dalam ungkapan 自然な血色 *shizen'na kesshoku* (kompleksi semula jadi) menggambarkan wanita lebih mengambil berat akan penampilan fizikal yang semulajadi setelah menggunakan produk kecantikan yang diiklankan.

4.2.2 Perbezaan Kata-kata Sifat dalam Majalah Fesyen Jepun *Non-no* dan *Men's Non-no*

Tanpa mengambil kira 27 kata sifat yang dianggap neutral dalam Jadual 4.5, terdapat 108 istilah adjektif yang lain dalam majalah wanita yang dikategorikan dalam golongan kata sifat yang bersifat feminin dalam Jadual W2 (rujuk Apendiks C). Selain itu, sebanyak 57 kata sifat yang lain dari iklan majalah lelaki digolongkan

dalam kumpulan kata sifat yang bersifat maskulin dalam Jadual L2 (rujuk Apendiks C).

4.2.2.1 Perbezaan Kata-kata Sifat dalam Majalah Fesyen Jepun Wanita, *Non-no*

Jadual 4.8 merupakan senarai kata adjektif yang bersifat feminin yang memiliki frekuensi lebih daripada satu kali. Senarai lengkap bagi 108 kata sifat feminin telah dilampirkan di Jadual W2 dalam Apendiks C.

Istilah-istilah adjektif dalam Jadual 4.8 dianggap sebagai kata sifat yang feminin kerana ia hanya diperolehi dari teks iklan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no*. Kata-kata adjektif dalam Jadual 4.8 tidak dijumpai dalam teks-teks pengenalan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen Jepun lelaki, *Men's Non-no*.

Jadual 4.8: Kata Sifat Feminin yang Mempunyai Kekerapan(f) Lebih Daripada Satu dan Makna-maknanya bagi Majalah Fesyen Wanita Jepun, *Non-no*

Bil.	Kata Sifat	Sebutan	Makna Kata Sifat	f
1	可愛/可愛い	<i>Kawai/ Kawaii</i>	comel	4
2	フルーティー	<i>Furūtī</i>	<i>fruity/</i> buah	3
4	抜群	<i>Batsugun</i>	cemerlang	2
4	華やぐ/華やかな	<i>Hanayagu/Hanayakana</i>	cemerlang/ glamor	2
5	ハッピーな	<i>Happī na</i>	gembira	2
6	ヘルシー/ベルシー	<i>Herushī /Berushīna</i>	sihat	2
7	クリーミーな	<i>Kurīmī na</i>	berkrim	2
8	キュートな	<i>Kyūto na</i>	<i>cute/</i> comel	2
9	まさに	<i>Masani</i>	tepat	2
10	ナチュラルな	<i>Nachuraru</i>	<i>natural/</i> semulajadi	2
11	中	<i>Naka</i>	dalam	2
12	オレンジ	<i>Orenji</i>	jingga	2
13	おしゃれ	<i>Oshare</i>	bergaya/ berfesyen	2
14	大人	<i>Otona</i>	dewasa	2
15	ピュアな	<i>Pyuana</i>	<i>pure/</i> tulen	2
16	セクシーな	<i>Sekushīna</i>	seksi	2

17	新	<i>Shin</i>	baru	2
18	すべすべ	<i>Subesube</i>	licin/ halus/ rata	2
19	スペシャルな	<i>Supesharuna</i>	istimewa	2
20	素敵な	<i>Sutekina</i>	hebat	2
21	透明な	<i>Tōmeina</i>	lutsinar/ telus	2
22	うっとり	<i>Uttori</i>	terpesona	2

Data kajian dalam Jadual 4.8 telah menunjukkan ada sejumlah 22 kata sifat yang berunsur feminin dipilih dan digunakan dalam iklan-iklan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen wanita oleh penerbit dan pengiklan majalah. Penggunaan kata adjektif tersebut boleh ditinjau dengan lebih teliti dengan contoh-contoh yang seterusnya.

a) 可愛/可愛い *Kawai/ Kawaii* (comel)

W-DIS-R04

ルナソル パーティコフレ 2011 ベージュブラウンのグラデパレット、クリームチーク、リップグロス、フェイスパウダーがファーポーチに入ったとても お得なコフレ。チーク&グロスは<u>可愛らしいピンク</u>で、何かとイベントの多いこの時期にうれしい華やかさ。
Lunasol Coffret Parti 2011 Satu tawaran <i>Coffret</i> dengan palet penggredan beige coklat, krim pemerah pipi, pengilat bibir, bedak yang dimasukkan dalam kantung bulu. Pipi & Gloss dengan <u>merah jambu yang comel</u>, adalah gembira kegemilangan sepanjang tempoh ini yang banyak acara.

W-DIS-R06

ポール&ジョー オーナメンタル セレクト アイカラー(右)001•(左)005 パレットに好きな3色をセットできるアイカラーのシリーズの、限定カラーが登場。そのままオーナメントとして飾れる限定ボックスに入った<u>キュートなデザインも可愛い</u>。プレゼントにも最適。
Paulus & Joe

Hiasan Terpilih

Warna Mata (kanan) 001 • (kiri) 005

Muncul dalam siri warna mata yang boleh ditetapkan dengan 3 warna palet kegemaran anda, dan warna yang terhad. Kotak reka bentuk comel dan terhad itu comel kerana ia dihiasi dengan hiasan. Sesuai untuk hadiah.

W-FEB-R18

ボール&ジョー

リップスティック C

モチーフは可愛くて気まぐれなネコちゃん! (右から) おしゃれ セクシーな唇になれるヌードベージュ。075•スイトでおちゃめな ベビーピンク。076•パツと華やぐ ヘルシー オレンジ。077

Paul & Joe

Lipstick C

Tema kucing comel dan aneh! (dari kanan) *Nude beige* untuk menjadi bibir seksi bergaya. 075 • *Playful baby pink* dalam suite. 076 • Oren yang sihat, ceria dan (tertonjol). 077

W-MAR-R26

ボール&ジョー

ブラッシャー

スティック

蝶ネクタイにシルクハット姿が可愛すぎるネコちゃんたちの正体は、チークスティック。さらりとした感触でぼかし やすく、ナチュラルな仕上がり。 (右)003• (中央) 002• (左) ベージュパールのハイライトカラー。001

Paul & Joe

Blusher

Stick

Identiti kucing memakai topi sutera dan tali leher yang terlalu comel, adalah *cheek stick*. Dengan rasa tanpa agak-agak, Mudah untuk disapu (pada bibir), dengan (kelihatan) semulajadi. (Kanan) 003 • (tengah) 002 •. Warna *Beige Pearl* yang menyerlah. (kiri) 001

可愛/ 可愛い *Kawai/ Kawaii* (comel) merupakan kata sifat yang bersifat feminin yang mempunyai kekerapan sebanyak 4 kali. Kata adjektif 可愛/可愛い *Kawai/ Kawaii* (comel) digunakan dalam konteks sebagaimana yang dikupas dengan contoh ungkapan di bawah.

可愛いピンク *kawairashī pinku* yang bermaksud a *lovely pink* atau “merah jambu yang **comel**” telah menunjukkan ‘comel’ digunakan untuk menerangkan dengan teliti tentang warna merah jambu.

Kata sifat ‘comel’ juga didapati digunakan dalam frasa キュートなデザインも可愛い *kyūtona dezain mo kawaii* yang membawa makna *cute design is also cute* atau “reka bentuk yang comel juga **comel**”. Kata adjektif ‘comel’ telah terlampau digunakan dalam frasa ini kerana reka bentuk itu sememangnya sudah kelihatan comel (キュートな *kyūtona*) tetapi masih dijelaskan sekali lagi bahawa ia juga comel (可愛い *kawaii*).

Manakala dalam ungkapan 可愛くて気まぐれなネコちゃん *kawai kute kimagurena neko-chan* (*cute and whimsical cat* atau “kucing **comel** dan aneh”) dan 可愛すぎるネコちゃんたち *kawai sugiru neko-chan-tachi* (*the cats that are too cute* atau “kucing-kucing yang terlalu **comel**”), kata adjektif 可愛 *Kawai* digunakan untuk menyatakan rupa kucing yang comel yang terdapat pada produk kecantikan yang diiklankan. Kecomelan kucing yang dicetak atau diukir pada produk diterangkan dalam teks supaya menarik minat golongan wanita yang suka akan kucing.

b) キュートな *Kyūto na* (comel)

W-DIS-R06

ポール&ジョー
オーナメンタル セレクト
アイカラー(右)001•(左)005

パレットに好きな3色をセットできるアイカラーのシリーズの、限定カラーが登場。そのままオーナメントとして飾れる限定ボックスに入ったキュートなデザインも可愛い。プレゼントにも最適。

Paulus & Joe
Hiasan Terpilih
Warna Mata (kanan) 001 • (kiri) 005

Muncul dalam siri warna mata yang boleh ditetapkan dengan 3 warna palet kegemaran anda, dan warna yang terhad. Kotak reka bentuk **comel** dan terhad itu comel kerana ia dihiasi dengan hiasan. Sesuai untuk hadiah.

W-MAR-R25

レブロン
カラスティ アイシャドウ

肌なじみのいいブラウン系のグラデアイを 16 時間もキープできる。フィット感抜群のパレット。きちんとした印象をつくるベージュニュアンスの 575(右)と、今年っぽいキュートなピンクニュアンスの 505(左)。即戦力間違いなし！

Revlon
Colour Stay Eye Shadow

Juga boleh mengekal baik selama 16 jam bagi pengkresan coklat bagi kulit yang baik. Palet yang layak cemerlang. (Kanan) 575 nuansa *beige* membuat tanggapan yang baik, dan (kiri) 505 nuansa merah jambu **comel** seperti untuk (trend) tahun ini. Tiada keraguan untuk gunanya!

Bukan sahaja item 可愛/可愛い *Kawai/ Kawaii* yang kerap digunakan dalam bahasa iklan, malahan kata sifat pinjaman bahasa Inggeris seperti キュートな *Kyūto na* (comel) juga menjadi pilihan penerbit majalah dalam pengiklanan produk kecantikan baru wanita dalam majalah fesyen Jepun.

Sebagaimana yang diteliti dalam contoh 可愛/可愛い *Kawai/ Kawaii*, kata adjektif menunjukkan penggunaan yang sama dalam frasa キュートなデザインも可愛い *kyūtona dezain mo kawaii* yang membawa makna cute *design is also cute* atau “reka bentuk yang **comel** itu comel”. ‘Comel’ telah diulangi 2 kali hanya untuk menonjolkan kecomelan reka bentuk sesuatu produk.

Ungkapan キュートなピンクニュアンス *kyūtona pinkunyuansu* (*cute pink nuance* atau “nuansa merah jambu yang **comel**”) sekali lagi menunjukkan kata adjektif ‘comel’ selalu diguna oleh pengiklan untuk menjelaskan warna merah jambu dengan tepat untuk meningkatkan perhatian pembaca wanita.

c) おしゃれ *Orenji* (bergaya/ berfesyen)

W-JAN-R14

NARS ミエ カブキ ミニソフト タッチシャドーペンシル コフレ クリーミーなクレヨンタイプのアイシャドウ。ゴールドニュアンスのブラック、肌なじみのよいコッパーの人気2色に、<u>おしゃれ</u>感抜群のコフレ限定色4色を加えたメイクが楽しくなるラインナップ。ドラマティックな目元に。
NARS Mie Kabuki Mini Soft Touch Shadow Pencil Coffret Pembayang mata berkrim jenis krayon. Solekan dengan 2 warna iaitu nuansa hitam emas dan <i>copper</i> yang baik untuk kulit, serta ditambahkan dengan 4 warna <i>coffret</i> <u>terhad yang bergaya dan unggul</u>, merupakan <i>lineup</i> yang menyeronokkan. Pada mata dramatik.

W-FEB-R18

ポール&ジョー リップスティック C モチーフは可愛くて気まぐれなネコちゃん！（右から）<u>おしゃれ</u>セクシーな唇になれるヌードベージュ。075・スイートでおちゃめな ベビーピンク。076・パッと華やぐ ヘルシー オレンジ。077
Paul & Joe Lipstick C Tema kucing comel dan aneh! (dari kanan) <i>Nude beige</i> untuk menjadi <u>bibir seksi bergaya</u>. 075 • <i>Playful baby pink</i> dalam <i>suite</i>. 076 • Oren yang sihat, ceria dan (tertonjol). 077

Kata sifat おしゃれ *Oshare* (bergaya/berfesyen) ialah item yang digunakan untuk mendeskripsikan penampilan fizikal wanita yang moden dan selari dengan trend semasa. Misalnya, おしゃれ感抜群のコフレ *oshare-kan batsugun no kofure* dengan maksud *preeminent fashionable coffret* atau “coffret yang **bergaya** unggul” membawa makna yang tersembunyi. おしゃれ *Oshare* tidak hanya mempunyai sifat bergaya dan berfesyen, ia juga bermaksud perasaan unggul sebagai golongan yang おしゃれ *Oshare*.

Begitu juga dengan ungkapan おしゃれ セクシーな唇 *oshare sekushīna kuchibiru* (*fashionable sexy lips* atau “bibir seksi dan **bergaya**”), wanita yang akan juga memiliki sifat おしゃれ *Oshare* (bergaya) jikalau bibir mereka seksi.

d) セクシーな *Sekushīna* (seksi)

W-DIS-R07

アナ スイ アイカラー パレット &リップ グロス セット 01 まるでアンティークジュエリーのようなグラマラスな目元を作れる 6 色のパレットに、<u>深みのあるセクシーな</u> レッドのグロスを組み合わせたセット。コンパクトなポーチに入って、これだけ持っていけばぐっと大人のレディ顔になれる！
Palet Warna Mata Anna Sui & Lip Gloss Set 01 Satu set 6 palet warna boleh menjadikan mata kelihatan glamor yang hampir sama dengan perhiasan antik, digabungkan dengan <u>glos merah seksi yang mendalam</u>. Terkandung dalam <i>pouch</i> padat, hanya dengan ini, menjadi muka yang lebih dewasa dan kewanitaan.

W-FEB-R18

ポール&ジョー リップスティック C

モチーフは可愛くて気まぐれなネコちゃん！（右から）おしゃれセクシーな唇になれるヌードベージュ。075・スイートでおちゃめな ベビーピンク。076・パツと華やぐ ヘルシー オレンジ。077

*Paul & Joe
Lipstick C*

Tema kucing comel dan aneh! (dari kanan) *Nude beige* untuk menjadi bibir **seksi** bergaya. 075 • *Playful baby pink* dalam *suite*. 076 • Oren yang sihat, ceria dan (tertonjol). 077

セクシーな *Sekushīna* (seksi) juga salah satu kata sifat yang sering kali dijadikan pilihan dalam bahasa iklan yang berkaitan dengan wanita. ‘Seksi’ ialah sifat wanita yang berkaitan dengan tubuh badan. Kadang-kala, ia juga diaplikasikan dalam konteks yang memerlukan imaginasi seperti 深みのあるセクシーな レッド *fukami no aru **sekushīna** redo* yang mempunyai makna sexy deep red atau “merah yang **seksi** mendalam”. Penerbit majalah telah memberi ruang kepada pembaca wanita untuk membayangkan keseksian warna merah produk kecantikan dalam iklan.

Seterusnya, frasa おしゃれセクシーな唇 *oshare **sekushīna** kuchibiru* (*fashionable **sexy** lips* atau “bibir **seksi** dan bergaya”) pula menggabungkan 2 kata adjektif iaitu ‘seksi’ dan “berfesyen” untuk mengukuhkan kebenaran tentang kesan baik menggunakan produk pengiklan.

e) すべすべ *Subesube* (licin/ halus/ rata)

W-FEB-R17

ハウス オブ ローゼ
(右) ボディソープ FB
(左) ボディ スムーザーFB

(右) ふんわり 軽い泡立ちで、フルーティーな おいしい香り♡
(下) 優しくマッサージするだけで古い角質を取り除き、ボディをつるつるすべすべに。

House of Rose

Body Soap FB (right)
Body Smoother FB (left)

(kanan) Dalam buih ringan dan berkembang, ♡ (suka) wangian buah yang lezat
(bawah) Membuang sel-sel kulit mati dengan hanya mengurut secara lembut, badan menjadi halus dan **licin**.

W-MAR-R30

ロクシタン
チェリープリンセス
シルキーボディジェル

プロヴァンスでは「チェリープリンセス」と呼ばれている一番咲きの桜。そのみずみずしい香りに包まれて、しっとりすべすべ肌になれるボディジェル。

L'Occitane
Cherry Princess
Silky Body Gel

Cherry blossoms yang berbunga terbaik dikenali sebagai "Puteri Cherry" di *Provence*. Gel badan yang diselubungi dengan haruman segar, menjadikan kulit badan **licin** dan lembap.

Penerbit majalah dan pengiklan juga memberitahu pembaca mengenai manfaat yang boleh dinikmati oleh pembaca wanita melalui istilah adjektif すべすべ *Subesube* (*licin/ halus/rata*) dalam rangkap W-FEB-R17 dan W-MAR-R30.

Kata sifat すべすべ *Subesube* (*licin/ halus/rata*) juga dimasukkan dalam iklan seumpama ボディをつるつるすべすべに *bodi o tsurutsuru **subesube** ni* (*body become slippery and **smooth*** atau “badan menjadi **licin** dan **halus**”) dan しっとりすべすべ肌になれる *shittori **subesube** hada ni nareru bodijeru* (*become **smooth** and moist skin* atau “menjadi kulit yang **licin** dan lembap”). Kata adjektif lain seperti つるつる *tsurutsuru* (*licin/ halus*) dan しっとり *shittori* (*lembap*) juga digabungkan untuk menyakinkan pembaca tentang kebaikan yang dapat dirasai oleh pelanggan dengan menggunakan produk kecantikan yang diiklankan dalam majalah. Kulit dan badan

yang halus dan licin adalah antara impian yang yang ingin dicapai oleh sesetengah kaum wanita. Oleh itu, pengiklan menggunakan kata-kata sifat yang bertepatan dengan keinginan pembaca agar mendapat kepercayaan mereka untuk membeli produk yang diperkenalkan dalam majalah fesyen wanita.

f) 透明な *Tōmeina* (lutsinar/ telus)

W-DIS-R09

ロクシタン フルーツデリス シャワージェリー
「フルーツデリス」は、ローズにヴァイオレットを加えた魅惑の香り。 <u>透明な見た目も香りも思わずうっとり。</u>
L'Occitane Buah Delice Mandian <i>Jelly</i>
"Buah Delice" adalah haruman menawan yang ditambah dengan Violet Rose. Tanpa sedar terpesona dengan <u>wajah yang telus dan baunya.</u>

W-FEB-R20

ヘレナ ルビンスタイン ウォンテッド アイズパレット 16
限定新色「エクスウイジット ブロッサム」は優しく <u>透明感あるピンクグラデとブラウンのパレット</u> 。抜け感があるフェミニンな目元はまさにこの春の旬。
<i>Helena Rubinstein</i> <i>Wanted</i> <i>Eyes Palette 16</i>
Palette dengan warna baru yang terhad, "Ui eksport komposit Blossom" ialah penggredan <u>merah jambu yang telus lembut</u> dan coklat. Terdapat rasa keciciran bagi mata feminin adalah tepat pada musim bunga ini.

Tambahan pula, kata adjektif 透明な *Tōmeina* yang bermaksud ‘lutsinar’ atau ‘telus’ juga dapat memberi pengaruh yang mendalam terhadap pembaca wanita. Sebagai contoh, frasa 透明な見た目も *Tōmeina* mitame mo (look clear/ transparent atau

“kelihatan **telus**”) seakan-akan menjamin kulit yang telus dengan menggunakan produk yang diiklankan.

Begitu juga dengan ungkapan 優しく透明感ある ピンクグラデ *yasashiku **tōmei** kanaru pinkugurade* (*pink gradation with gentle **clarity*** atau “gred merah jambu dengan **ketelusan** yang lembut”) membawa maklumat berkenaan dengan kehebatan warna merah jambu yang dihasilkan dalam produk pengiklan sehingga boleh mencapai kualiti kulit yang kelihatan lembut dan telus.

4.2.2.2 Perbezaan Kata-kata Sifat dalam Majalah Fesyen Lelaki Jepun, *Men’s Non-no*

Kata-kata adjektif yang bersifat maskulin yang mempunyai kekerapan lebih daripada satu kali dicatatkan dalam Jadual 4.9. Senarai lengkap 57 kata sifat maskulin boleh dirujuk di Jadual L2 dalam bahagian Apendiks C.

Kata-kata sifat dalam Jadual 4.9 digolongkan sebagai kata sifat yang berunsur maskulin kerana ia hanya dikumpul dari teks pengenalan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen lelaki Jepun, *Men’s Non-no*. Istilah adjektif dalam Jadual 4.9 tidak dikesani dalam teks-teks iklan produk kecantikan baru dalam majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no*.

Jadual 4.9: Kata Sifat Maskulin yang Mempunyai Kekerapan(f) Lebih Daripada Satu dan Makna-maknanya bagi Majalah Fesyen Lelaki Jepun, *Men’s Non-no*

Bil.	Kata Sifat	Sebutan	Makna Kata Sifat	f
1	オーガニック	<i>Ōganikku</i>	organik	6
2	高/ 高い	<i>Taka/ Takai</i>	tinggi	6
3	保湿	<i>Hoshitsu</i>	kekal lembap	5
4	温める/ 温かみ	<i>Atatameru / Atatakami</i>	hangat/ panas/ suam	2
5	ベスト	<i>Besuto</i>	terbaik	2

6	ブルー	<i>Burū</i>	biru	2
7	オリジナル	<i>Orijinaru</i>	asal/asli	2
8	さわやか	<i>Sawayaka</i>	menyegarkan	2
9	全	<i>Zen</i>	seluruh	2

Hasil dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9 memaparkan 9 kata adjektif yang bersifat maskulin dan berfrekuensi lebih daripada satu kali. Penggunaan kata-kata sifat maskulin dapat diteliti dalam contoh-contoh seterusnya.

a) オーガニック *Ōganikku* (organik)

L-DIS-R01

アヴェダ
ホリデー ソイワックス
キャンドル

オーガニック 認定のクローブやバニラ、ラベンダーなどの香りを放つキャンドル。すべて リサイクル材料のパッケージで、東日本震災の復興支援のタオルもセットに。地球のため、日本のためになるコフレ。「ご覧のとおりモテるので、このコフレでクリスマスにアタックしてみます」(MASAH)。

Aveda
Holiday Soy Wax
Candle

Lilin aroma ulas, vanila, lavender dan sebagainya yang disahkan organik. Dengan pakej semua bahan kitar semula, tuala bantuan pembinaan semula gempa bumi Timur Jepun juga dalam set. Coffret untuk bumi, juga untuk Jepun.
「Seperti yang anda boleh nampak, ia adalah popular dan akan cuba mendapatkan coffret Krismas ini..」(MASAH).

L-DIS-R03

SINN
トゥース
ペースト SE

デリケートな口腔内を、虫歯になりにくい 弱アルカリ性ののに保つという オーガニック の歯磨きジェル。赤ちゃんも使えるというやさしい処方で、肌や粘膜が敏感に傾きやすいタイプでも使いやすい。ミントの香りがさわやか。「ご覧のとおり“唇王子” なので歯も大切にしようと思います」(MASAH)。

SINN
Tooth Paste SE

Gel ubat gigi organik yang melindungi rasa sensitif rongga mulut dengan alkali yang lemah yang membantu sukar untuk mendapat kerosakan gigi. Penggubalan measra bayi mudah digunakan dan lebih senang untuk kulit atau jenis membrane mucus yang mudah sensitif. Aroma pudina menyegarkan. 「Seperti yang anda boleh lihat (saya ialah) "Prince lips", saya akan melakukan penjagaan gigi yang baik」(MASAH)

L-JAN-R09

パンゲア オーガニクス

オーガニック

アイクリーム

アメリカから上陸したオーガニックコスメブランド。保湿力の高いダマスクローズ、抗酸化力の高い ホワイトティーなど、オーガニックにこだわった植物原料を配合。自然のパワーで疲れた目もとに活を入れる。

Pangea Organics

Organic

Eye Cream

Jenama kosmetik organik berasal dari Amerika. Damask rose yang berkelembapan tinggi dicampurkan dengan teh putih yang berantioksidan tinggi dan bahan tumbuhan berorganik. Dengan menggunakan kuasa alam semulajadi, menyegarkan mata yang letih.

L-FEB-R14

SINN

ローション

ヴィザージュ

オーガニックのフラワーウォーターを配合した、肌を落ち着かせたり引き締めてくれる化粧水。「軽いテクスチャーだけど、浸透後はしっとり。肌のカサつきが悩みの男子は夜ケアで使うのがオススメです」SUGI

SINN

Lotion

Visage

Losyen yang dicampur dengan air bunga organik akan menenangkan dan mengetatkan kulit. 「walaupun ia tekstur ringan, melembapkan selepas penembusan. Disyorkan kepada lelaki yang bermasalah kulit kering untuk penggunaan waktu malam」SUGI

Antara kata sifat maskulin yang disenaraikan dalam Jadual 4.9, kata sifat オーガニック *Ōganikku* (organik) mencatatkan kekerapan tertinggi iaitu 6 kali dalam 4 rangkap teks iklan. Istilah adjektif オーガニック *Ōganikku* (organik) didapati muncul dalam

tajuk iklan di samping dalam kandungan teks pengenalan. Frasa オーガニックアイ
クリーム Ōganikku Aikurīmu yang mempunyai maksud Organic Eye Cream atau
“Krim Mata Organik”, menonjolkan produk krim mata adalah diperbuat daripada
bahan organik.

Selain itu, kata adjektif ‘organik’ dipilih dan digunakan untuk memaklumkan para
pembaca lelaki tentang produk-produk kecantikan mereka bukannya dihasilkan
dengan bahan kimia. Penggunaan オーガニック Ōganikku (organik) dalam
ungkapan-ungkapan telah membuktikan tujuan pengiklan.

オーガニック認定 Ōganikku nintei

→ *certified* organic atau “disahkan organik”

オーガニックの歯磨きジェル ōganikku no hamigaki jeru

→ organic toothpaste gel atau “ubat gigi gel organik”

オーガニックコスメ ōganikku kosume

→ organic cosmetics atau “kosmetik organik”

オーガニックにこだわった植物原料 ōganikku ni kodawatta shokubutsu genryō

→ *the plant material that sticks to* organic atau “bahan tumbuhan yang
mengutamakan

organik”

オーガニックのフラワーウォーター Ōganikku no fura wa ū~ōtā

→ organic flower water atau “air bunga organik”

オーガニック *Ōganikku* (organik) banyak dirujuk kepada produk kecantikan lelaki yang diperbuat dengan bahan-bahan organik. Misalnya, kosmetik organik, ubat gigi organik, dan bahan-bahan yang berorientasikan tumbuhan.

b) 保湿 *Hoshitsu* (kekal lembap)

L-JAN-R06

ロクシタン シア ハンドクリーム コレクターデザイン
シアバターを贅沢に配合した男子にも人気のこっくり <u>保湿</u> ハンドクリームから限定パッケージが登場。アフリカの民族衣装からインスパイアされた幾何学模様を施したボトルがクール。
<i>L'Occitane</i> <i>Shea Hand Cream</i> <i>Collector Design</i>
Pakej terhad muncul bagi <u>krim pelembap tangan</u> yang diformulasi dengan banyak mentega shea dan popular dalam kalangan lelaki. Corak geometri pada botol yang diinspirasikan oleh pakaian kaum Afrika adalah bergaya.

L-JAN-R09

パンゲア オーガニクス オーガニック アイクリーム
アメリカから上陸したオーガニックコスメブランド。 <u>保湿力の高いダマスクローズ</u> 、抗酸化力の高い ホワイトティーなど、オーガニックにこだわった植物原料を配合。自然のパワーで疲れた目もとに活を入れる。
<i>Pangea Organics</i> <i>Organic</i> <i>Eye Cream</i>
Jenama kosmetik organik berasal dari Amerika. <u>Damask rose yang berkelembapan tinggi</u> dicampurkan dengan teh putih yang berantioksidan tinggi dan bahan tumbuhan berorganik. Dengan menggunakan kuasa alam semulajadi, menyegarkan mata yang letih.

L-JAN-R10

クラランス メン
メン ベストセクション
コフレ

保湿、エネルギーチャージ、たるみケアの3つの美容液からひとつを選ぶ、その他洗顔やスクラブなど男子コスメのベストセラーばかりを集めた限定セット。オリジナルのバッグも付属。

Clarins Men
Men Best Selection
Coffret

Set koleksi terhad daripada kosmetik lelaki terlaris bagi pembersihan lain dan scrub serta satu pilihan daripada 3 pati kecantikan yang melembapkan, mencaj tenaga dan penjagaan kendur. Juga dilengkapi dengan beg asal.

L-FEB-R12

ウーノ
スキンケアタンク
UV カット

朝の洗顔後、これ1本で保湿と日焼け止めの機能がある、なじみのよい保湿ジェル。「パッケージの色が好き。資生堂さん、ウーノの兄貴版コスメ“ドゥーエ”を僕とつくりませんか？」MASAH

Uno
Skincare Tank
UV Cut

Selepas membasuh muka pada waktu pagi, hanya dengan ini, gel pelembap yang baik untuk kulit dengan fungsi pelembap dan pelindung matahari.「Saya suka akan warna pakej. Shiseido, boleh buat untuk saya “Douhet” versi adik-beradik Uno?」MASAH

Selanjutnya, terdapat satu lagi kata sifat yang hanya diperoleh daripada data majalah fesyen lelaki iaitu 保湿 *Hoshitsu* (kekal lembap). Kekerapan yang tinggi telah menonjolkan penerbit majalah menggalakkan golongan lelaki menjaga kelembapan kulit.

保湿ハンドクリーム *hoshitsu* *handokurīmu*

→ moisturizing *hand cream* atau “krim pelembap tangan”

保湿力の高いダマスクローズ Hoshitsuryoku no takai damasukurōzu

→ *Damask rose with high moisturizing* atau “bunga merah delima yang berkelembapan tinggi”

保湿ジェル hoshitsu jeru

→ moisturizing gel atau “gel pelembap”

Melalui contoh-contoh di atas, kata adjektif 保湿 *Hoshitsu* merujuk kepada sejenis fungsi bagi produk kecantikan baru yang dapat melembapkan kulit. Kadang-kala, fungsi kelembapan juga digabungkan dengan fungsi-fungsi lain. Misalnya, ungkapan 保湿、エネルギーチャージ、たるみケア Hoshitsu, enerugīchāji, tarumi kea yang memberi maksud moisturizing, energy charge, sagging care atau “melembapkan, cas semula tenaga dan penjagaan (pencegahan) kendur”. Seterusnya, frasa 保湿と日焼け止めの機能 hoshitsu to hiyakedome no kinō yang menunjukkan makna *function of moisturizing and sunscreen* atau “fungsi untuk melembapkan dan pelindung matahari”.

c) オリジナル *Orijinaru* (asal/ asli)

L-JAN-R08

ジッポー
オリジナル オードトワレ
スプレー

ZIPPO のライターをかたどったフレグランスにカラーバリエーションが加わった。シルバー、ブルーのほかビビッドな ピンクなども。ベルガモットなど柑橘のさわやかな香りはカジュアルのシーンで活躍。

Zippo
Original Eau de Toilette
Spray

Variasi warna digunakan untuk bentuk pewangi bagi pemetik api ZIPPO. Merah jambu yang lain-lain serta perak dan biru. Aroma citrus seperti bergamot yang menyegarkan sering digunakan di tempat kasual.

L-JAN-R10

クラランス メン
メン ベストセクション
コフレ

保湿、エネルギーチャージ、たるみケアの3つの美容液からひとつを選ぶ、その他洗顔やスクラブなど男子コスメのベストセラーばかりを集めた限定セット。オリジナルのバッグも付属。

Clarins Men
Men Best Selection
Coffret

Set koleksi terhad daripada kosmetik lelaki terlaris bagi pembersihan lain dan scrub serta satu pilihan daripada 3 pati kecantikan yang melembapkan, mencaj tenaga dan penjagaan kendur. Juga dilengkapi dengan beg asli.

Selain itu, pengiklan juga gemar menggunakan kata sifat オリジナル *Orijinaru* (asal/asli) dengan tujuan untuk memberitahu pembaca lelaki bahawa produk kecantikan mereka adalah asli dan bukannya palsu. Penggunaannya dapat diperhatikan dalam 2 ungkapan yang berikut.

オリジナル オードトワレ Orijinaru *ōdotoware* (Original *Eau de Toilette* atau “minyak wangi asli”) dan オリジナルのバッグ Orijinaru *no baggu* (original *bag* atau “beg asli”) mewakili mesej pengiklan yang menghasilkan barang-barang asli untuk pengguna produk mereka.

d) ブルー *Burū* (biru)

L-JAN-R08

ジッポー

オリジナル オードトワレ
スプレー

ZIPPO のライターをかたどったフレグランスにカラーバリエーションが加わった。シルバー、ブルーのほかビビッドなピンクなども。ベルガモットなど柑橘のさわやかな香りはカジュアルのシーンで活躍。

Zippo
Original Eau de Toilette
Spray

Variasi warna digunakan untuk bentuk pewangi bagi pemetik api ZIPPO. Merah jambu yang terang serta perak dan biru. Aroma citrus seperti bergamot yang menyegarkan sering digunakan di tempat kasual.

L-FEB-R13

シャネル
ブルー ドゥ シャネル
トラベル スプレー

昨年発売し人気を博したメンズフレグランスに、携帯しやすいトラベルサイズが。親切なレフィル2本付きがうれしい。「この深さのある香りが好き。絶妙なブルースラックのボトルがさすがだね」MASAH

Chanel
Blue de Chanel
Travel Spray

Wangian lelaki popular yang dikeluarkan pada tahun lepas, mudah untuk dibawa dengan *travel size*. Gembira dengan 2 isian semula yang mesra. 「Gemar akan bau yang mendalam ini. Benar-benar botol biru-hitam yang menakjubkan」MASAH

Di samping itu, kata adjektif bagi warna biru sememangnya berhubungan rapat dengan kaum lelaki. Namun begitu, istilah ブルー *Burū* (biru) juga digunakan dalam bahasa iklan bersama-sama dengan warna yang lain seperti ‘perak’ dan ‘merah jambu’ seperti ungkapan dari rangkap L-JAN-R08. Yakni, シルバー、ブルーのほ
かビビッドな ピンク *Shirubā, burū no hoka bibiddona pinku* yang bermakna *silver as well as vivid pink and blue* atau “perak dan biru serta merah jambu yang terang”.

Kata sifat ブルー *Burū* (biru) juga muncul dalam tajuk iklan dalam L-FEB-R13 iaitu ブルー ドウ シャネル ***Burū** do~u Shaneru* dengan maksudnya ***Blue** de Chanel* yang merupakan produk kecantikan untuk lelaki dengan penggunaan kata ブルー *Burū* (biru) sebagai lambangan untuk kaum lelaki.

Dalam rangkap yang sama, frasa 絶妙なブルーブラック *Zetsumyōna **burū**burakku* (*superb **blue**-black* atau “**biru**-hitam yang menakjubkan”) juga menggabungkan warna ブルー *Burū* (biru) dengan ブラック *burakku* (hitam) untuk menunjukkan kehebatan gabungan warna dan sifat kelelakian bagi produk yang diiklankan dalam majalah fesyen Jepun lelaki.

e) ベスト *Besuto* (terbaik)

L-JAN-R10

クラランス メン メン <u>ベストセクション</u> コフレ 保湿、エネルギーチャージ、たるみケアの3つの美容液からひとつを選ぶ、 その他洗顔やスクラブなど男子コスメの <u>ベストセラー</u> ばかりを集めた限定セ ット。オリジナルのバッグも付属。
<i>Clarins Men</i> <i>Men Best Selection</i> <i>Coffret</i> Set koleksi terhad daripada <u>kosmetik lelaki</u> terbaik dalam jualan/ teraris bagi pembersihan lain dan scrub serta satu pilihan daripada 3 pati kecantikan yang melembapkan, mencaj tenaga dan penjagaan kendur. Juga dilengkapi dengan beg asal.

Kata adjektif ベスト *Besuto* (terbaik) berfrekuensi 2 kali didapati dalam rangkap teks pengenalan produk kecantikan baru yang sama iaitu L-JAN-R10. Istilah ベスト *Besuto* (terbaik) telah dikesani dalam tajuk iklan メン ベストセクション *Men **Besuto** Serekushon* yang bermaksud *Men **Best** Selection* atau “Pemilihan **Terbaik**

bagi Lelaki” serta ungkapan 男子コスメのベストセラー
*danshikosumenobesuto*serā yang bersemantik *men's cosmetics best sellers* atau
“koleksi terbaik dalam jualan/ terlaris kosmetik lelaki”.

ベスト *Besuto* (terbaik) dalam “*Best Selection* atau Pemilihan Terbaik” dan “*best sellers* atau koleksi terlaris” membawa mesej bahawa golongan lelaki mementingkan produk yang terbaik. Dengan ini, penerbit majalah pun memilih kata sifat ‘terbaik’ untuk melambangkan produk kecantikan yang diiklankan merupakan produk yang terbaik kerana dijual dengan paling laris. Akibatnya, pembaca juga menerima hakikat bahawa produk berkenaan yang boleh dibeli di pasaran telah mendapat sambutan yang paling baik.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Penggunaan bahasa dalam iklan atau teks pengenalan produk kecantikan memang penting untuk merangsangkan pembaca supaya membuat keputusan yang diharap oleh penerbit dan pengiklan majalah. Lebih-lebih lagi, pemilihan kata-kata sifat yang bersesuaian (bersifat neutral, feminin, atau maskulin) dalam iklan mampu mempengaruhi para pembaca untuk mempercayai maklumat yang hendak disampaikan daripada penerbit dan pengiklan majalah. Secara langsung, kepercayaan dalam kalangan pembaca telah menjamin jualan yang laris bagi produk kecantikan baru.

5.1 Kata-kata Sifat dan Kekerapan

Kekerapan menggunakan kata adjektif dengan secukupnya dalam iklan dapat memberi impak terhadap kelarisan produk kecantikan baru. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kata-kata sifat dapat diperolehi daripada setiap rangkap teks iklan dalam majalah fesyen Jepun. Ini dapat membuktikan kewujudan kata sifat adalah wajib dalam pengiklanan terutamanya bagi iklan produk baru.

Berdasarkan dapatan kajian, bilangan kata sifat yang dikumpul dari iklan majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* iaitu 135 item adalah lebih banyak daripada bilangan kata adjektif yang diperolehi dari iklan majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no* yang jumlahnya 84 patah kata. Hasil dapatan ini telah menyokong pendapat Jespersen (1922) yang menyatakan bahawa bahasa yang digunakan oleh kaum wanita lebih

kerap menggunakan kata sifat berbanding dengan bahasa yang digunakan oleh golongan lelaki.

Sehubungan itu, majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* juga menyumbangkan lebih banyak kata sifat yang berfrekuensi lebih daripada 1 kali jika membandingkan Jadual 4.1 dengan Jadual 4.3. Majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* telah mengumpulkan 41 kata sifat yang berkekerapan sekurang-kurangnya 2 kali manakala majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no* hanya memiliki 18 istilah adjektif.

Dalam aspek pemerhatian terhadap persamaan penggunaan kata adjektif dengan dapatan Leech (1966), majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* mempunyai 8 kata sifat yang sama dengan 7 istilah senarai 20 kata adjektif oleh Leech (1966). Bilangan kata sifat yang tidak seimbang dalam perbandingan dengan hasil dapatan Leech (1996) adalah disebabkan terdapat 2 istilah adjektif yang mempunyai makna yang sama, iaitu いい *Ī* dan よい *Yoi* yang bermaksud 'baik' dalam Jadual 4.2. Fenomena yang sama juga didapati dalam hasil dapatan data dari majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no* di mana 5 kata sifat menepati 4 kata adjektif dalam senarai Leech (1966). Dua kata sifat yang bermakna 'baik' (いい *Ī* dan よい/よく *Yoi/ yoku*) boleh diperhatikan dalam Jadual 4.4.

Justeru, berasaskan pemerhatian terhadap Jadual 4.2 dan Jadual 4.4, kata-kata sifat yang merangkumi さわやか *Sawayaka* (segar), やすい/やすく *Yasui / Yasukui* (senang), いい *Ī* (baik) dan よい/よく *Yoi/ Yoku* (baik) didapati masih menjadi kegemaran pengiklan dan penerbit majalah dalam teks iklan pengenalan produk kecantikan baru. Kegemaran terhadap penggunaan empat kata sifat tersebut sehingga

hari ini dapat membuktikan pihak media masih yakin dengan semantik kata-kata sifat ‘segar’, ‘senang’, dan ‘baik’ yang mampu memikat hati para pembaca.

5.2 Persamaan dan Perbezaan Kata-kata Sifat dalam Majalah Fesyen Jepun

Non-no dan Men's Non-no

Ciri-ciri bahasa wanita dan bahasa lelaki boleh dikesani dalam bahasa penulisan dalam media cetakan seperti majalah fesyen yang ditinjau dalam kajian ini. Walaupun teks-teks yang terdapat dalam iklan majalah biasanya lebih pendek berbanding dengan bahan bacaan yang bukan berunsur hiburan. Namun, bahasa yang digunakan dalam bahan bacaan hiburan wanita dan lelaki masih mampu menonjolkan ciri-ciri yang bersifat kewanitaan (feminin), kekelakian (maskulin) atau neutral.

5.2.1 Kata-kata Sifat Neutral

Menurut hasil dapatan kajian ini, terdapat 27 kata sifat yang digunakan dalam majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* dan juga majalah fesyen lelaki Jepun, *Men's Non-no*. Antaranya, hanya 25.9% atau 7 istilah yang menunjukkan kekerapan yang sama seperti yang tertera dalam Jadual 4.5.

Pemerhatian dalam bahagian 4.2.1 telah memaparkan penggunaan kata sifat oleh pengiklan untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca. Contohnya, adjektif 古い *Furui* (lama) digunakan dalam ungkapan 古い角質 *furui kakushitsu* (*dead skin cells* atau “sel-sel kulit lama/mati”) untuk mengingatkan pembaca memakai produk baru mereka jikalau ingin membersihkan dan menghilangkan sel-sel kulit mati pada kulit.

Dari segi warna, kata adjektif warna ‘putih’ dapat diperhatikan dalam teks iklan produk kecantikan baru wanita dan lelaki. Ia selalu dikategorikan dalam kumpulan neutral kerana tidak menunjukkan sifat kefemininan atau kemaskulinan.

Namun begitu, didapati adanya kata sifat yang sering dikaitkan dengan isu feminin dan maskulin telah digolongkan dalam kumpulan yang neutral dalam kajian ini. Salah satu kata sifat yang dikategorikan sebagai kata sifat neutral yang berkecenderungan feminin, yakni ブラウン *buraun* dengan maknanya “perang/coklat”. Kata adjektif ブラウン *buraun* (perang/coklat) yang selalu dianggap lebih cenderung dengan sifat maskulin berfrekuensi 5 kali dalam iklan majalah fesyen wanita Jepun, *Non-no* jika dibandingkan dengan kekerapan 1 kali sahaja dalam iklan majalah fesyen lelaki Jepun, *Men’s Non-no* (lihat Jadual W1 dan Jadual L1 dalam Apendiks C). Situasi yang sama berlaku terhadap kata sifat ピンク *pinku* yang bermaksud warna “merah jambu” didapati dalam iklan produk kecantikan baru lelaki, rangkap L-JAN-R08 dalam Apendiks B.

